

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2024

#### FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN PENGURUSAN KEWANGAN

---

**KETUA PTJ :**

FIRDAUS ABDULLAH @ KENNETH KEVIN AKEU

**KETUA UNIT KUALITI :**

ROSINTANSAFINAS BINTI MUNIR

**PENYELARAS :**

AZHAN RASHID BIN SENAWI

**PENULIS :**

1. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
2. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
3. ROSMAN BIN YAHYA
4. ROSMAN BIN YAHYA
5. AMIRUL AFIF BIN MUHAMAT
6. NOR FARRADILA BINTI ABDUL AZIZ
7. SYED ASHRENE BIN SYED OMAR

8. ZARINA BINTI DENAN
9. NORLIZA BINTI CHE YAHYA
10. AZREEN BINTI ROSLAN
11. HASNI BINTI ABDULLAH
12. YVONNE ANG SU MING
13. ROSINTANSAFINAS BINTI MUNIR
14. RAFIATUL ADLIN BINTI MOHD RUSLAN
15. NUR ZAHIDAH BINTI BAHRUDIN
16. DILLA SYADIA BINTI AB LATIFF
17. MOHAMAD IDHAM BIN MD RAZAK
18. AZHAN RASHID BIN SENAWI
19. MOHAMMAD ZULFAKHAIRI BIN MOKTHAR
20. NURUL SYIFAA BINTI MOHD SHAKIL
21. ZETTY ZAHUREEN BT MOHD YUSOFF
22. NORSALIZA BINTI ABU BAKAR
23. NORSALIZA BINTI ABU BAKAR
24. NUR AZIRAH ZAHIDA BINTI MOHAMAD AZHAR

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Perancangan:** FPP mengadaptasi Model Kepimpinan *Enabling Leadership Model Framework* bermatlamat untuk membawa fakulti menjadi **penyumbang nombor satu dalam aktiviti penjanaan pendapatan** seperti mana yang digariskan dalam KPI-19 buku Perancangan Strategik UiTM 2025. FPP diketuai oleh Dekan memberi fokus antaranya mencipta kejayaan dalam aspek **kelestarian kewangan di tahun 2023**.

Inisiatif BT dirangka oleh kepimpinan FPP termasuk Dekan, Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar Kanan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Penyelaras dan Ketua serta Ahli Jawatankuasa yang dilantik dalam **aktiviti berkaitan akademik, penyelidikan, pengurusan pelajar, alumni serta industri samaada di dalam atau luar negara** bagi membantu fakulti menggerakkan inisiatif dan mencapai kecemerlangan dalam BT.

FPP **terus cemerlang bersama 297 orang staf akademik** yang terlibat sepenuhnya dalam aktiviti fakulti. **Timbalan Pendaftar Kanan bersama 38 orang staf pentadbiran** merupakan nadi utama dan berperanan menguruskan aktiviti pentadbiran dan pengurusan sumber manusia yang lebih efisien.

Kepimpinan FPP menggerakkan operasi pengurusan kewangan melalui **2 sumber iaitu Wang Pengurusan (dana disalurkan oleh universiti) dan Wang Amanah (dana dikumpul melalui aktiviti penjanaan pendapatan)**. Inisiatif strategik yang mampan dirangka untuk meningkatkan kecemerlangan FPP dalam aktiviti kelestarian kewangan.

**Pelaksanaan:** Kepimpinan dinamik, berkaliber dan berwawasan tinggi merupakan tunggak FPP untuk merealisasikan pencapaian di bawah Perancangan Strategik UiTM 2025. **Kelestarian kewangan menjadi agenda utama fakulti** bersesuaian dengan Garis Panduan Strategi Bajet UiTM Tahun 2023, yang meminta PTJ meningkatkan hasil universiti melalui penjanaan pendapatan. Kepimpinan FPP **merangka inisiatif dan menggerakkan jabatan untuk tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan tetapi mempelbagaikan usaha menjana pendapatan, belanjawan mengikut keberhasilan, membudayakan perbelanjaan berhemah dan meningkatkan produktiviti serta keusahawanan** bagi mengurangkan kebergantungan kepada Wang Pengurusan.

Ini termasuk **inisiatif penjanaan pendapatan, penjimatan dan pendanaan** melalui **program akademik** (Program Intersesi Sarjana Muda, Program Sijil Profesional ICDL, *International Summer Program*, Program Francais FPP-iCEP, Program Pasca Siswazah Kerja Kursus), **inisiatif penyelidikan dan inovasi** (konferensi antarabangsa ABRIC, Pertandingan Inovasi VIIIIC, Projek Konsultansi Berdaftar) **program kolaborasi bersama industri dan komuniti** (*ICAN week*, Tabung Alumni Prihatin, Komuniti MyGen) serta program mobiliti dan **keusahawanan pelajar**.

**Pemantauan:** Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF) dipengerusikan oleh Dekan dan keahliannya semua Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar Kanan dan Ketua Timbalan Bendahari UCS digerakkan untuk **memantau pelaksanaan inisiatif BT**. Laporan pencapaian prestasi, audit dalaman, laporan pengurusan risiko dan sistem atas talian seperti **FinePortal dan FB MIS (yang dibangunkan oleh FPP) digunakan sebagai mekanisme kawalan**.

Pemantauan berterusan memastikan keberkesanan dan penambahbaikan terhadap inisiatif yang dilaksanakan. Melalui analisis data yang terperinci, Kepimpinan FPP mampu membuat **keputusan yang lebih tepat dan mengubah landskap berkaitan kelestarian kewangan di fakulti**.

**Penambahbaikan:** Keberkesanan kepimpinan dinilai dalam **Kajian Happiness Index UiTM** dan hasil kajian membawa kepada penambahbaikan dengan memperkasakan program kepimpinan bersama profesor pelawat, profesor adjung, panel penasihat industri dan

penglibatan profesor dalam penyediaan pensyarah FPP serta mengadakan **sesi ibatsama bersama warga termasuk pensyarah FPP seramai 1178 dari 13 kampus cawangan.**

Pelaksanaan strategi secara komprehensif, penilaian yang telus dan penambahbaikan yang berkesan berjaya membawa FPP terus cemerlang dalam mencapai inisiatif BT dan objektif strategik UiTM 2025 yang **meletakkan tanda aras tinggi dalam penjanaaan pendapatan serta kelestarian kewangan yang mampan.** FPP berjaya menerima pengiktirafan, memenangi anugerah dan berjaya mencapai sasaran BT melebihi PI yang ditetapkan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

*Enabling Leadership Model Framework* yang berteraskan 10 nilai menjadi panduan kepada kepimpinan FPP dalam memperkasakan fakulti mencapai aspirasi tahun 2023 iaitu pengurusan kewangan yang lestari (**Bukti 1.2.1a**).

Kepimpinan FPP yang diterajui oleh Dekan telah menggerakkan semua aktiviti berkaitan akademik, penyelidikan, pengurusan pelajar, alumni serta industri samaada di dalam atau luar negara melalui **empat pendekatan inovatif yang telah dikenalpasti dan dirangka dalam mengerakkan BT** iaitu: (**Bukti 1.2.1b**)

1. **FBM Strategic Action Plan Book 2023** merupakan dokumen utama untuk menggerakkan BT yang dihasilkan bersama Kepimpinan Kanan FPP semasa Bengkel Perancangan Strategik FPP 2023. 9 inisiatif strategik (IS) yang dilaksanakan berjaya meningkatkan 100% penjanaaan pendapatan berjumlah **RM2,343,200.74 pada tahun 2023 berbanding RM1,092,749.38 di tahun 2022.** (**Bukti 1.2.1c**)

2. **Penambahbaikan Tadbir Urus Jawatankuasa** yang mengoperasikan pengurusan kewangan FPP telah diluluskan dalam mesyuarat JKEF Ke-67/2023. **Penambahbaikan proses di bawah Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF)** bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan kewangan merangkumi aspek penjanaaan, penjimatan dan pendanaan semua aktiviti di fakulti. Usaha ini telah membantu kepimpinan fakulti untuk **mempercepatkan pelaksanaan inisiatif dan sebagai kaedah kawalan berkaitan BT.** (**Bukti 1.2.1d**)

3. **Memperkasa pengoperasian fakulti dengan menambahbaik proses/ aktiviti** berikut:

- **Penyediaan takwim mesyuarat/ program/ aktiviti fakulti** tahun 2023 pada setiap awal tahun sebagai satu dokumen rujukan warga berkaitan program/aktiviti dan mesyuarat yang berlangsung di fakulti sepanjang tahun (**bukti 1.2.1e**)
- **Sesi libatsama kepimpinan FPP bersama kampus cawangan** di mana Dekan bersama kepimpinan fakulti mengadakan lawatan ke semua 13 kampus cawangan dan berjumpa warga FPP cawangan sebagai inisiatif turun padang serta menyampaikan agenda fakulti kepada warga di kampus cawangan. (**bukti 1.2.1f**)
- **Pelantikan Koordinator dan Jawatankuasa Promosi dan Pengantarabangsaan** bagi melaksanakan promosi program akademik telah berjaya menambah jumlah pelajar siswazah FPP dalam dan luar negara (**bukti 1.2.1g**)
- Membangunkan **sistem FBMS one stop centre** yang berperanan menguruskan semua permohonan bagi **aktiviti penjanaaan, penjimatan dan pendanaan** serta surat kelulusan aktiviti yang dijana terus dari sistem (**bukti 1.2.1h**)
- **Mengadakan perjumpaan/mesyuarat bersama kepimpinan universiti** (**bukti 1.2.1i**)
- Menyediakan medium **menyebarkan luas keputusan dan pelaksanaan inisiatif** fakulti melalui Memo Dekan dan hebahan melalui media rasmi fakulti (**bukti 1.2.1j**)

4. Pelaksanaan inisiatif kelestarian kewangan melalui program berikut:

- **Penawaran program akademik** secara self-funding (pascasiswazah), program francais FPP-iCEPS, inter sesi, summer program (**bukti 1.2.1k**)
- **Menganjurkan konferensi, pertandingan inovasi** dan projek konsultasi berdaftar (**bukti 1.2.1l**)
- **Kolaborasi bersama industri dan komuniti**, program mobiliti dan aktiviti keusahawan pelajar (**bukti 1.2.1m**)

pendekatan kepemimpinan FPP menggerakkan B1 disebabkan kepada warga FPP melalui:

- **Program Sehari Bersama Pengurusan** yang merangkumi Amanat Dekan 2023 dan **Mesyuarat Staf Akademik** yang dihadiri seluruh warga FPP termasuk dari kampus cawangan (**bukti 1.2.1n**)
- Edaran **dokumen FBM SAP 2023 melalui laman web** untuk rujukan warga termasuk di kampus cawangan (**bukti 1.2.1o**)
- **Program bersama pelajar** seperti town hall, sehari bersama fakulti, dialog meja bulat dan pameran kerjaya (**bukti 1.2.1p**)
- **Program turun padang dan aktiviti libatsama** bersama komuniti dan masyarakat setempat (**bukti 1.2.1q**)

Keberkesanan pendekatan yang dilaksanakan telah diiktiraf dengan **menerima pelbagai anugerah** sehingga ke peringkat antarabangsa antaranya *Global Prominence Award*, Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) dan *Rising Star Partners of the Year for ICDL Asia* dan pelbagai lagi anugerah pada tahun 2023 (**bukti 1.2.1r**)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_K01\\_KB02\\_20241\\_Bukti 1.2.1a hingga Bukti 1.2.1d.pdf](#)
2. [F0023\\_K01\\_KB02\\_20242\\_Bukti 1.2.1e hingga Bukti 1.2.1h.pdf](#)
3. [F0023\\_K01\\_KB02\\_20243\\_Bukti 1.2.1i hingga Bukti 1.2.1l.pdf](#)
4. [F0023\\_K01\\_KB02\\_20244\\_Bukti 1.2.1m hingga Bukti 1.2.1o.pdf](#)
5. [F0023\\_K01\\_KB02\\_20245\\_Bukti 1.2.1p hingga Bukti 1.2.1r.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan FPP berperanan dalam memastikan FPP bergerak secara efektif untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik dalam BT melalui pelaksanaan inisiatif berikut:

1. **Pendekatan Strategik dalam Pengurusan:** Kepimpinan FPP menerajui pelaksanaan tiga bidang fokus utama dalam BT meliputi 9 inisiatif di bawah SAP FPP 2023. Pencapaian dan kemajuan inisiatif dipantau dan dilaporkan dalam mesyuarat JKEF setiap tiga bulan dan pembentangan dalam mesyuarat Dekan bersama ketua teras yang dilantik dalam kalangan Timbalan Dekan dan Timbalan Pendaftar Kanan (**bukti 1.3.1a**).
2. **Kepimpinan kanan FPP mengetuai dan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju inisiatif** (project manager) (**bukti 1.3.1b**). Kepimpinan FPP menilai keberkesanan inisiatif dan mencadangkan penambahbaikan dalam mesyuarat JKEF serta melaporkan pencapaian keseluruhan pada penghujung tahun (**bukti 1.3.1c**).
3. **Penglibatan dan Penyertaan Staf: Pelaksanaan SAP FPP 2023 secara menyeluruh** melibatkan seluruh warga FPP sebagai ahli dalam setiap projek / inisiatif yang disediakan. Mereka menjadi pemangkin utama dalam usaha menggerak dan melaksana inisiatif yang telah dikenalpasti dan ini memberi kesan langsung kepada pencapaian BT (**bukti 1.3.1b**).
4. **Pemantauan dan menilai prestasi inisiatif secara *Quarterly Performance Review*** melalui mesyuarat pencapaian SAP FPP dengan kekerapan 4 kali setahun (**bukti 1.3.1d**). Melaksana dan menilai pencapaian objektif kualiti FPP dan memastikan sasaran/PI dicapai oleh jabatan dalam MKSP sekali setahun (**bukti 1.3.1e**).
5. Pengurusan Sumber dan Kewangan secara cekap dan berkesan dengan **menstruktur semula jabatan, penyediaan kemudahan dan fasiliti, peruntukan dana penyelidikan dan pengkomersialan hasil penyelidikan** bagi meningkatkan aktiviti penjana pendapatan (**bukti 1.3.1f**). Pemantauan prestasi dilaksanakan melalui Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF) bagi memastikan BT mencapai kejayaan (**bukti 1.3.1g**).
6. **Program Pembangunan Staf:** Kepimpinan FPP melaksanakan program penyeliaan berkesan di kalangan profesor yang dilantik sebagai mentor kepada pensyarah bagi **mengukuhkan budaya kepimpinan sebagai usaha mewujudkan pelapis dalam pelaksanaan inisiatif BT**. Selain itu beberapa program latihan anjuran fakulti dibuat untuk **meningkatkan kecekapan dan pengetahuan staf pentadbiran** dalam mengoperasikan fakulti (**bukti 1.3.1h**).
7. **Penganjuran Konferensi dan pertandingan inovasi di peringkat Antarabangsa:** FPP aktif dalam menganjurkan dan menyertai konferensi antarabangsa seperti ***Advanced in Business Research International Conference (ABRIC2023)*** dan menganjurkan pertandingan inovasi iaitu ***International Business & Management Virtual Innovation & Invention of Ideas Competition 2023 (VIIC 2023)*** telah berjaya meningkatkan profil global serta memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa di samping penganjuran dan penyertaan dalam konferensi dan pertandingan inovasi ini berjaya membantu usaha FPP meningkatkan penjana pendapatan. (**bukti 1.3.1i**).
8. **Program Pengiktirafan dan Penghargaan:** Membudayakan program pengiktirafan dan penghargaan sebagai **usaha untuk meningkatkan motivasi dan mengiktiraf kejayaan cemerlang warga FPP** antaranya melalui *Program Jewel in the Crown, FBM Family Day, Jamuan Raya, Majlis Iftar*, program kemerdekaan serta mewar-warkan kejayaan mereka di media rasmi fakulti (**bukti 1.3.1j**).

Kepimpinan FPP menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat UiTM, kebangsaan dan global, termasuk pelantikan ke dalam jawatan-jawatan penting di organisasi luar yang



mencerminkan kejayaan dan dedikasi kepimpinan dalam mencapai inisiatif BT **(bukti 1.3.1k)**. Perencanaan aktiviti yang menyeluruh di peringkat universiti dan global terbukti berhasil dengan **rentetan kejayaan, penerimaan anugerah dan pengiktirafan daripada universiti, negara dan antarabangsa. (bukti 1.3.1k)**.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_K01\\_KB03\\_20241\\_Bukti 1.3.1a - Tiga Fokus Utama Inisiatif Penjanaaan Pendapatan FPP 2023.pdf](#)
2. [F0023\\_K01\\_KB03\\_20242\\_Bukti 1.3.1b hingga Bukti 1.3.1c.pdf](#)
3. [F0023\\_K01\\_KB03\\_20243\\_Bukti 1.3.1d hingga Bukti 1.3.1e.pdf](#)
4. [F0023\\_K01\\_KB03\\_20244\\_Bukti 1.3.1f hingga Bukti 1.3.1h f.pdf](#)
5. [F0023\\_K01\\_KB03\\_20245\\_Bukti 1.3.1i hingga Bukti 1.3.1k.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Rajah 1.4.1 (**Bukti 1.4.1a**) menunjukkan **pelan pemantauan** kepimpinan FPP secara bersistematik bagi **menilai kekuatan kepimpinan dalam mencapai inisiatif BT** yang ditetapkan. FPP mengenalpasti 6 elemen utama pemantauan kepimpinan sebagai penentu kejayaan BT. Kejayaan Kepimpinan bergantung kepada enam elemen dan pemantauan yang dijalankan melalui tindakan berikut:

1. Pelaksanaan Inisiatif Strategik: **Dekan bertanggungjawab menerajui pelaksanaan inisiatif strategik FPP** dalam *UiTM 2025 Strategic Plan* yang diselaraskan melalui SAP FPP 2023 pada 14-16 Disember 2022. Sistem UPMO digunakan sebagai alat pemantauan yang membolehkan Penyelaras Strategik Universiti **melapor pencapaian inisiatif secara terus dan berfungsi sebagai alat kawalan prestasi yang dilaporkan dalam JKEF** setiap bulan (**bukti 1.4.1b**).
2. **Memperkasa Kepimpinan Fakulti**: Keberkesanan kepimpinan FPP dinilai melalui kajian **Happiness Index UiTM** yang berada di tahap 68% tahun 2023. **Hasil kajian memberi ruang penambahbaikan** bagi memperkasa kepimpinan FPP dengan aktiviti pemindahan ilmu dan kepakaran melalui penglibatan profesor pelawat, profesor adjung, panel penasihat industri dan pelantikan profesor sebagai mentor kepada pensyarah (**bukti 1.4.1c**).
3. **Audit Dalam dan Objektif Kualiti**: Prestasi jabatan dinilai melalui pencapaian objektif kualiti dan pelaksanaan audit dalam. Tindakan susulan daripada hasil audit, laporan AMP/KHP, dan laporan pengurusan risiko **dipantau melalui MKSP**, memastikan setiap tindakan pembetulan diambil tindakan yang secukupnya (**bukti 1.4.1d**).
4. **Tadbir Urus Bersistematik**: Pelaksanaan **mesyuarat utama yang dipengerusikan oleh Dekan menjadi platform untuk komunikasi dua hala**, perbincangan penambahbaikan proses, dan laporan hasil pencapaian dan penjana hasil (**bukti 1.4.1e**).
5. **Penggunaan Sistem FinePortal**: Sistem berperanan dalam **pemantauan prestasi kewangan, menyediakan laporan perbelanjaan dan penjana hasil** yang mencerminkan kecekapan pengurusan kewangan dan penjana pendapatan di fakulti (**bukti 1.4.1f**).
6. **Pembangunan Sistem FBMS**: Sistem yang dibangunkan oleh FPP dapat **mempercepatkan proses permohonan, mengawal agihan peruntukan, menyediakan data laporan dalam mesyuarat JTAF, PPSM dan JKEF**. Setiap permohonan dan kelulusan dicatat dengan teliti bagi penyediaan laporan dalam mesyuarat sebagai mekanisme kawalan yang berkesan (**bukti 1.4.1g**).

Kepimpinan FPP mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif melalui **teknik Root Cause Analysis (RCA)**. Kaedah ini bermula dengan menganalisa punca kegagalan, mengenalpasti punca dan merangka pelan tindakan pencegahan (**bukti 1.4.1h**).

Penambahbaikan proses dan inovasi dalam pelaksanaan inisiatif merupakan petunjuk utama prestasi kepimpinan kanan FPP. Inovasi yang diperkenalkan memberi impak positif kepada pencapaian inisiatif strategik, khususnya dalam penjana hasil (**bukti 1.4.1i**)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_Bukti 1.4.1a hingga Bukti 1.4.1b.pdf](#)
2. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_Bukti 1.4.1c hingga Bukti 1.4.1d.pdf](#)
3. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_Bukti 1.4.1e hingga Bukti 1.4.1f.pdf](#)

5. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20245\\_Bukti 1.4.1i - FBM Inovasi.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dirancang dan dilaksanakan dengan bersistematik bagi **mengenalpasti kegagalan inisiatif** yang ditetapkan. Ianya bermula dengan **penyediaan daftar risiko (strategik dan operasi) serta pelan tindakan risiko berpandukan Manual Pengurusan Risiko UiTM (bukti 1.4.2a)**. Pelan tindakan risiko menetapkan bidang kuasa dan tanggungjawab pegawai bagi setiap risiko dalam menilai keberkesanan tindakan berkaitan pengurusan risiko.

Kepimpinan Kanan merupakan penggerak utama dalam tindakan terhadap risiko bagi menjayakan inisiatif BT di FPP. Jawatankuasa Pengurusan Risiko FPP yang dilantik (**bukti 1.4.2b**) memastikan tindakan **risiko dilaksana, dikendali, dianalisa dan dikawal sepenuhnya** berpandukan tadbir urus dan panduan pengoperasian pengurusan risiko FPP (**bukti 1.4.2c**).

Risiko FPP dikategorikan kepada dua iaitu risiko strategik dan risiko operasi. **Risiko strategik merujuk kepada risiko pelaksanaan inisiatif strategik dalam SAP FPP** yang tidak dicapai terutamanya dalam pelaksanaan inisiatif BT (**bukti 1.4.2d**).

Kepimpinan FPP menangani risiko dalam pengoperasian fakulti termasuk memastikan inisiatif yang ditetapkan dilaksana, dipantau dan ditambahbaik. **Keterlibatan staf akademik dan pentadbiran dalam jawatankuasa** memberi kekuatan kepada FPP bagi menangani cabaran dan risiko dalam melaksanakan sistem kerja dan fungsian jabatan (**bukti 1.4.2b**).

Sistem kerja FPP yang memberi fokus kepada input, proses, output dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik apabila setiap **proses penjana pendapatan dan pengurusan kewangan FPP dikenalpasti risiko pelaksanaannya**. FPP mengambil tindakan mitigasi untuk mengurangkan kesan risiko dalam setiap operasi dan inisiatif BT yang dilaksanakan (**bukti 1.4.2e**).

**Faktor penyebab risiko dalam pelaksanaan inisiatif BT** dikenalpasti, diambil tindakan, dan dipantau melalui JPR. Ini termasuk:

- Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (**bukti 1.4.2f**).
- Pelaksanaan Mesyuarat Pengurusan Risiko secara berkala (3 kali setahun) (**bukti 1.4.2g**).
- Penyediaan Daftar Risiko FPP - Risiko Strategik (**bukti 1.4.2d**)
- Penyediaan Daftar Risiko Pengoperasian Kewangan (**bukti 1.4.2e**).
- Pelaporan dalam mesyuarat Pengurusan Risiko FPP setiap 6 bulan (**bukti 1.4.2h**).
- Pengesahan daftar risiko/laporan pengurusan risiko dalam MKSP setiap tahun (**bukti 1.4.2i**).

Kepemimpinan FPP yang proaktif, **sokongan daripada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan pelaksanaan pelan tindakan yang komprehensif** membantu FPP mengendalikan risiko kewangan dengan berkesan bagi memastikan pencapaian objektif strategik dan operasi. **Penekanan kepada keterlibatan staf dan penambahbaikan yang berterusan** dapat memastikan setiap aspek pengurusan risiko diambil tindakan mitigasi yang sesuai untuk mengurangkan kesan negatif yang mungkin timbul dalam pelaksanaan BT.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_Bukti 1.4.2a - Panduan Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
2. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_Bukti 1.4.2b hingga Bukti 1.4.2c.pdf](#)
3. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_Bukti 1.4.2d hingga Bukti 1.4.2e.pdf](#)

4. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_Bukti 1.4.2f hingga Bukti 1.4.2g.pdf](#)
5. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20245\\_Bukti 1.4.2h hingga Bukti 1.4.2i.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan FPP menetapkan semua inisiatif BT yang disenaraikan perlu melalui semakan, penganalisaan dan kajian keberkesanan serta tindakan penambahbaikan melalui fasa berikut:

1. **Pencapaian inisiatif/SAP FPP yang menyokong UiTM Pelan Strategik 2025** dilaporkan secara bulanan dalam mesyuarat JKEF (**bukti 1.4.3a**). Peneraju inisiatif diminta mengemukakan laporan kemajuan kepada Koordinator PS FPP yang melaporkan melalui system UPMO (**bukti 1.4.3b**).
2. **Semakan pencapaian jabatan bagi pelaksanaan BT diadakan setiap 4 bulan.** Penyediaan laporan pencapaian disediakan oleh KJ yang diselaraskan oleh Koordinator PS FPP. Mesyuarat dipengeruskan oleh Dekan dan ahlinya semua TD, TPK dan KPP (**bukti 1.4.3c**).
3. **Retreat Perancangan Strategi Fakulti** melaporkan pencapaian tahunan secara keseluruhan. Dekan akan membentangkan pencapaian keseluruhan fakulti dan menetapkan sasaran baharu untuk tahun berikutnya dalam amanatnya (**bukti 1.4.3d**).
4. Pelaksanaan inisiatif dilaksana mengikut tahun semasa dan permohonan peruntukan, perolehan dan perbelanjaan perlu **melalui sistem FBMIS (bukti 1.4.3e)** dan perolehan, kemudahan dan bayaran perlu melalui **sistem FinePortal (bukti 1.4.3f)**. Data dan maklumat peruntukan, penjana hasil, pembelanjaan dikumpul dan dianalisa bagi tujuan penambahbaikan prestasi.
5. Pencapaian objektif kualiti dilaporkan dalam **mesyuarat MKSP** pada setiap tahun (**bukti 1.4.3g**).
6. Postmortem pencapaian inisiatif BT/SAP FPP 2023 dilakukan dalam **Retreat Perancangan Strategi Fakulti** yang diadakan pada 8-10 Januari 2024 (**bukti 1.4.3d**).

Kepimpinan FPP menganalisa pencapaian inisiatif termasuk faktor kejayaan dan kegagalan dan melaksanakan tindakan berikut:

- Memastikan data pencapaian inisiatif BT **dikumpulkan secara sistematik dan berpusat**.
- Menjalankan analisis pencapaian dan **mengambil tindakan penambahbaikan, menilai keberkesanan** tindakan berdasarkan pencapaian sebelumnya.
- **Pengoptimuman strategi** termasuk membuat perubahan dalam strategi pelaksanaan, menyesuaikan pelan tindakan dan meningkatkan sokongan kepada pasukan pelaksana.
- **Berkomunikasi dengan pasukan dan pihak berkepentingan** mengenai hasil analisis dan langkah yang akan diambil serta strategi untuk meningkatkan prestasi.

Berdasarkan analisa data pencapaian inisiatif, Kepimpinan FPP melaksanakan pelan tindakan penambahbaikan dengan menyenaraikan strategi baru untuk mencapai sasaran merangkumi penetapan tindakan dan tempoh pelaksanaan serta penilaian semula sasaran ke atas inisiatif BT (**bukti 1.4.3h**).

**Maklum balas warga FPP juga diambilkira untuk penambahbaikan prestasi secara berterusan** bagi inisiatif strategik yang dilaksanakan. Sebagai contoh, maklumbalas warga dalam **Mesyuarat Staf Akademik FPP** telah diambil tindakan bagi memastikan kepuasan hati warga akademik diberi keutamaan oleh kepimpinan FPP dalam menggerakkan fakulti secara keseluruhannya (**bukti 1.4.3i**).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_Bukti\\_1.4.3a\\_hingga\\_Bukti\\_1.4.3b.pdf](#)
2. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_Bukti\\_1.4.3c\\_hingga\\_Bukti\\_1.4.3d.pdf](#)
3. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_Bukti\\_1.4.3e\\_hingga\\_Bukti\\_1.4.3f.pdf](#)
4. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20244\\_Bukti\\_1.4.3g\\_hingga\\_Bukti\\_1.4.3h.pdf](#)
5. [F0023\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20245\\_Bukti\\_1.4.3i - Tindakan penambahbaikan dari maklumbalas warga FPP 2023.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan menggerakkan FPP secara efektif untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik BT. Pelaksanaan inisiatif **disebar luas secara berkesan** melalui perjumpaan/mesyuarat bersama staf seperti Program Sehari Bersama Pengurusan, mesyuarat staf akademik fakulti, sesi libatsama bersama 1178 orang staf akademik FPP dari 13 kampus cawangan dan **hebahan keputusan, dasar baharu, inisiatif** melalui Memo Dekan, emel dan sosial media rasmi fakulti. Ini membolehkan **warga mendapat maklumat berkaitan usaha dan inisiatif fakulti disamping mengenal pasti peranan dan komitmen mereka dalam menjayakan BT (bukti 1.1.1n - 1.1.1p).**

Kepimpinan Kanan menggerakkan FPP untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik BT secara berkesan melalui kaedah berikut:

1. Penyediaan **sumber dan sokongan kewangan yang mencukupi** untuk menjalankan aktiviti penjanaan hasil termasuk penstrukturan jabatan dan agihan semula tenaga kerja **(bukti 1.3.1f)**, penyediaan kemudahan dan fasiliti, peruntukan dana dalaman penyelidikan dan pengkomersialan hasil penyelidikan **(bukti 1.5.1a).**

2. **Moa/MoU, kolaborasi Industri dan Antarabangsa** untuk memperluas peluang penjanaan hasil seperti mewujudkan Pusat Pengurusan dan Teknologi Halal, dan Regional Centre dan bekerjasama dengan industri untuk menjalankan projek penyelidikan secara komersial **(bukti 1.5.1b).**

3. Program Pembangunan Staf melalui latihan dan pengembangan profesional. Ini termasuk menggalakkan staf akademik mengikuti kursus dan latihan yang relevan dengan keperluan industri semasa. Staf Pentadbiran juga diberi peluang yang sama untuk mengikuti kursus dan latihan bukan sahaja di dalam negara malah peluang juga diberi untuk mereka mengikuti latihan di luar negara **(bukti 1.5.1c)**

4. Perubahan dan penambahbaikan ke atas tadbir urus fakulti dan pemberian had kuasa RM5,000.00 meluluskan peruntukan kepada pengerusi/dekan membolehkan mengoperasikan kewangan fakulti dipertingkatkan **(bukti 1.2.1d)**. Pendekatan ini berjaya mempercepatkan kelulusan bagi penganjuran aktiviti dalam menghasilkan produk inovasi dan seterusnya berjaya menganjurkan dan menyertai pertandingan inovasi serta memenangi hadiah. Penganjuran dalam aktiviti inovasi seperti VIIIIC serta penglibatan dalam pertandingan inovasi juga membantu fakulti mencapai inisiatif penjanaan di bawah bidang tumpuan **(bukti 1.5.1d)**. Usaha kepimpinan FPP dalam mengerakan fakulti secara optimum bagi memastikan proses permohonan dan keputusan berkaitan pengurusan kewangan fakulti dapat dibuat secara cekap, cepat dan berintegriti bagi menyokong usaha untuk meningkatkan kelestarian kewangan fakulti.

5. Pembangunan sistem FBMS berjaya membantu fakulti mengurus dan meluluskan aktiviti dan inisiatif penghasilan inovasi termasuk penjanaan pendapatan melalui penganjuran dan penglibatan dalam konferensi diperingkat nasional dan antarabangsa. Pembangunan Sistem FBMS merupakan pendekatan inovatif untuk mengurus inisiatif dan meningkatkan kecekapan operasi fakulti termasuk pengumpulan data, pelaksanaan aktiviti, pelaporan dan pemantauan prestasi jabatan serta prestasi perbelanjaan termasuk pencapaian BT dan pelaksanaan inisiatifnya **(bukti 1.5.1e).**

6. Pengiktirafan dan Penghargaan terhadap kejayaan inisiatif dengan menyampaikan ucapan penghargaan melalui berbagai saluran untuk memberi dorongan kepada warga untuk terus menghasilkan inovasi yang berkualiti melalui laman sesawang FPP, bulletin FPP iaitu SocenTiUM (2 kali tahun) **(bukti 1.5.1f)**, menganjurkan program penghargaan bagi pencapaian dalam BT dan inovasi **(bukti 1.3.1i).**

Kepemimpinan FPP memantau pencapaian inisiatif secara berkala dengan melaporkan



penyediaan kepada penyeras UM. Perancangan Strategik dan membenarkannya dalam JKEF/MKSP termasuk memastikan risiko kegagalan inisiatif dikawal dan diambil tindakan pembedulan/ penambahbaikan (**bukti 1.4.1h**). Inisiatif BT dilaksanakan untuk meningkatkan pulangan hasil kepada fakulti yang mengutamakan penjana pendapatan, penjimatan dan amalan peningkatan nilai dalam pembelajaan dan memastikan kecekapan pengurusan kewangan dilaksanakan (**bukti 1.5.1g**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_K01\\_KB05\\_20241\\_Bukti 1.5.1a - Dana Dalaman Fakulti \(DDF\) Bagi RIG dan RG FPP 2023.pdf](#)
2. [F0023\\_K01\\_KB05\\_20242\\_Bukti 1.5.1b - MoA + Regional Centre dan Halal Centre + CILT.pdf](#)
3. [F0023\\_K01\\_KB05\\_20243\\_Bukti 1.5.1c hingga Bukti 1.5.1d f.pdf](#)
4. [F0023\\_K01\\_KB05\\_20244\\_Bukti 1.5.1e hingga Bukti 1.5.1f.pdf](#)
5. [F0023\\_K01\\_KB05\\_20245\\_Bukti 1.5.1g - Graf pencapaian penjana penjana hasil FPP 2023.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**PERANCANGAN:** Perancangan Strategik (PS) Bidang Tumpuan (BT) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) dengan Tema Kelestarian Kewangan adalah selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM PT) dan Pelan Strategik (PS) UiTM 2025 serta Garis Panduan Strategi Bajet UiTM. Salah satu Tema Rancangan Malaysia ke-12 adalah Melonjak Kemampanan dengan menekankan aspek Model Ekonomi Kitaran. Di samping itu, Lonjakan 5 pelan PPM PT iaitu Kemampanan Kewangan. Tambahan, PS UiTM 2025 telah meletakkan Strategi Berasaskan Nilai sebagai Teras Strategik. Teras Strategik ini disokong oleh Tema Strategik ke-9 iaitu kemampanan kewangan. Selain itu PS BT Pengurusan kewangan juga berpandukan garis panduan strategi bajet UiTM yang mana ianya **menggariskan strategi penjanaaan, penjimatan dan pendanaan**. PS BT Pengurusan Kewangan FPP meliputi perancangan dan penglibatan kesemua bahagian utama FPP iaitu **Hal Ehwal Akademik (HEA), Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pentadbiran** melalui **Pelan Tindakan Strategik FPP**. Bertemakan **Kelestarian Kewangan**, PS BT menggariskan tiga (3) Fokus Utama iaitu **Penjanaaan Pendapatan, Penjimatan Kos dan Pendanaan Program**.

**PELAKSANAAN:** Pelaksanaan PS BT Pengurusan Kewangan FPP dijalankan dengan sistematik. Pelaksanaan PS BT FPP dibuat meliputi penglibatan kesemua bahagian utama FPP iaitu HEA, PI, ICAN, HEP dan Pentadbiran. PS BT Pengurusan Kewangan FPP dengan Tema Kelestarian Kewangan berlandaskan tiga (3) Fokus Utama iaitu **Penjanaaan Pendapatan, Penjimatan Perbelanjaan dan Pendanaan Program**. Fokus utama ini diselarikan dengan tiga (3) Objektif Strategik (OS) iaitu; **OS1:** Mencapai penjanaaan pendapatan melebihi sasaran PI129 yang telah ditetapkan oleh universiti; **OS2:** Memastikan penjimatan kos operasi bagi program yang dijalankan; **OS3:** Menjamin program yang menerima pendanaan berjaya mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Bagi mencapai OS ini, beberapa **Inisiatif Strategik (IS)** telah diwujudkan yang mana ianya dijalankan mengikut bahagian utama FPP. PS FPP disebar luas kepada warga FPP melalui **Amanat Dekan, Lawatan Dekan ke Kampus Cawangan dan Buku Pelan Tindakan Strategik FPP 2023**. Malahan, **Buku Pelan Tindakan Strategik FPP 2023** ini juga dikongsikan kepada **Pengurusan Tertinggi UiTM** serta rakan universiti dan rakan industri

**PEMANTAUAN:** Pemantauan terhadap kemajuan dan pencapaian IS dijalankan secara efektif dan berkala oleh pengurusan kanan FPP berdasarkan pendekatan **Perancangan, Pelaksanaan, Pemantauan dan Tindakan (PDCA)**. Pemantauan sistematik dan berkala dilaksanakan melalui mekanisme seperti **Mesyuarat Jawatan Kuasa Eksekutif Fakulti (JKEF), Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF), Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Fakulti (JRF), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), dan Mesyuarat Berkala Jawatankuasa Perancangan Strategik Fakulti**. Mekanisme ini memastikan semua inisiatif strategik yang dijalankan dapat mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Selain itu, pemantauan melalui sistem atas talian seperti **FBMIS** dan sistem atas talian **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**.

**TINDAKAN:** Input pemantauan yang dibentangkan dalam mesyuarat secara berkala telah digunakan dan ditambahbaik melalui **Bengkel Pelan Tindakan Strategik FPP**. Risiko berkaitan Inisiatif Strategik Pengurusan Kewangan dikenalpasti melalui bengkel **Bengkel Pelan Tindakan Strategik FPP** serta **Mesyuarat Pengurusan Risiko**, disamping audit dalam dan luar. Analisa **Inisiatif Strategik** digunakan bagi merangka **pelan tindakan penambahbaikan** yang akan dilaksanakan. **Pelan tindakan penambahbaikan** dibuat agar **Inisiatif Strategik** dapat dilaksanakan dengan lebih baik serta dapat memacu ke arah **kecemerlangan prestasi FPP**.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Objektif Strategik (OS) dalam Bidang Tumpuan Penjanaaan Pendapatan dengan tema Kelestarian Kewangan telah dirangka sejajar dengan Tema Strategik ke-9: Kemampuan Kewangan seperti yang nyatakan dalam Pelan Strategik (PS) UiTM 2025. OS diselaraskan dengan tiga fokus utama iaitu Penjanaaan Pendapatan, Penjimatan Kos, dan Pendanaan Program. Ketiga-tiga fokus utama ini mendukung Objektif Strategik (OS) yang telah ditetapkan oleh Kepimpinan FPP **(Bukti 2.2.1)**.

Inisiatif strategik (IS) FPP dirancang berdasarkan tiga fokus utama dan OS bidang tumpuan bagi memastikan kepimpinan FPP berjaya menjajarkan perancangan fakulti dengan UiTM Strategik Plan 2025.

Fokus utama (1) iaitu Penjanaaan Pendapatan dan OS1 dirancang dan dilaksanakan secara berkesan dengan melaksanakan aktiviti seperti Program Francais FPP – ICEPS. FPP menerima hasil royalti daripada program akademik yang dijalankan secara francais bersama ICEPS. FPP berjaya menjana pendapatan melalui penawaran International Summer Program kepada universiti luar negara. FPP turut menjana pendapatan melalui aktiviti konferensi iaitu ABRIC yang diadakan pada 27 September 2023 di Langkawi. FPP secara proaktif menjalinkan kerjasama dengan industri melalui projek Business Simulation: He & She Coffee dan Chatime termasuk menyediakan peluang latihan praktikal kepada pelajar. Usaha ini membawa FPP kepada kejayaan menerima Anugerah Penjanaaan Pendapatan Cemerlang serta Anugerah Kecemerlangan Prestasi UiTM bagi tahun 2023 **(Bukti 2.2.3a)**.

Fokus utama (2) iaitu Penjimatan Kos dan OS2 berjaya menghasilkan beberapa inisiatif yang memberi pulangan nilai dan penjimatan kepada pengoerasian fakulti. Program bersama industri dirangka dengan matlamat untuk menjimatkan kos operasi. Program “My School Our Future Generation (MyGEN)” dibiayai sepenuhnya oleh MBSB Bank dengan sumbangan sebanyak RM143,469. FBM ICAN Week merupakan program yang dianjurkan dengan pembiayaan industri seperti CEO Talk, yang mana berjaya menjimatkan kos penganjuran dan jamuan makan yang perlu ditanggung FPP. FPP membangunkan sistem atas talian iaitu Faculty of Business and Management Information System (FBMIS). Sistem ini mempermudah operasi harian fakulti dalam permohonan dan kelulusan peruntukan aktiviti, juga membantu dalam penyimpanan rekod serta mempercepatkan proses, penggunaan kertas, dan kos sumber manusia **(Bukti 2.2.3b)**.

Fokus utama (3) iaitu Pendanaan Program dan OS2 melibatkan pemberian dana dan insentif kepada staf dan pelajar. Insentif penerbitan telah diperkenalkan dengan tujuan memberikan subsidi kepada staf yang berjaya menerbitkan artikel di jurnal berindeks. Insentif Dana Mobiliti Pelajar membolehkan FPP menghantar pelajar ke luar negara melalui program Mobiliti Pelajar AIMS. Inisiatif ini memberi impak positif kepada FPP yang berjaya mencapai Nisbah Penerbitan Tertinggi Staf bagi suku ke-4 tahun 2023, menerima Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable Student dan Anugerah Kecemerlangan Prestasi UiTM 2023 **(Bukti 2.2.3c)**.

Perancangan Strategik FPP 2023 termasuk BT disediakan melalui Bengkel Pelan Tindakan Strategik yang diadakan pada 14 hingga 16 Disember 2022 di Mercure Hotel, Pulau Pinang yang melibatkan semua bahagian dalam FPP. Buku Pelan Tindakan Strategik FPP 2023 diterbitkan dengan menggariskan pelan tindakan dalam merancang, melaksana dan menilai prestasi strategik serta petunjuk prestasi (PI) bagi tujuh teras yang disenaraikan **(Bukti 2.2.4)**. Penilaian kepada PS BT ini dilakukan melalui beberapa kaedah termasuk laporan pencapaian secara Quarterly Performance Review, laporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF) dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) **(Bukti 2.2.5)**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_P01\\_PB02\\_20241\\_Bukti 2.2.1.pdf](#)
2. [F0023\\_P01\\_PB02\\_20242\\_Bukti 2.2.2a & Bukti 2.2.2b.pdf](#)

3. [F0023\\_P01\\_PB02\\_20243\\_Bukti 2.2.3a, Bukti 2.2.3b & Bukti 2.2.3c.pdf](#)
4. [F0023\\_P01\\_PB02\\_20244\\_Bukti 2.2.4.pdf](#)
5. [F0023\\_P01\\_PB02\\_20245\\_Bukti 2.2.5.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPP melaksanakan inisiatif strategik (IS) dalam BT berlandaskan tema kelestarian kewangan, dipetakan dengan teliti melalui tiga fokus utama iaitu penjanaaan pendapatan, penjimatan kos, dan pendanaan program. Fokus utama diterjemahkan kepada tiga objektif strategik (OS) iaitu OS1 bertujuan mencapai penjanaaan pendapatan yang melebihi sasaran PI129, OS2 memastikan penjimatan kos operasi bagi program-program yang dijalankan, manakala OS3 menjamin bahawa program-program yang menerima pendanaan akan mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan Objektif Strategik dan BT diselaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM PT), serta Pelan Strategik UiTM 2025. Keselarasan dengan visi nasional dan universiti akan memperkuat kedudukan FPP sebagai entiti yang menyumbang kepada pencapaian matlamat strategik UiTM **(Bukti 2.3.1)**.

FPP melaksanakan pelbagai Inisiatif Strategik (IS) secara terancang dan diselaraskan dengan RMK12, PPPM PT, dan Pelan Strategik UiTM 2025 **(Bukti 2.3.2)**. Ciri utama perancangan adalah pengaplikasian Model Ekonomi Kitaran yang dinyatakan dalam RMK12, hasil yang diperoleh daripada aktiviti penjanaaan pendapatan dan penjimatan kos akan dialirkan kembali untuk mendanai aktiviti-aktiviti utama FPP. Inisiatif ini memberi fokus kepada pencapaian prestasi berasaskan nilai, dengan tujuan akhir mencapai matlamat UiTM menjadi universiti yang tersohor di dunia.

Pelaksanaan Inisiatif Strategik ini melibatkan seluruh warga FPP, yang mencerminkan pelbagai latar belakang dan kemahiran, telah mewujudkan budaya kerja yang kondusif untuk kejayaan pelaksanaan IS. Pelaksanaan IS turut melibatkan lantikan project manager dan *team member* yang akan bertanggungjawab untuk melaksana dan mengurus IS dan melaporkan pencapaian kepada Pengurusan Kanan FPP. Hasil daripada setiap IS yang dilaksanakan secara langsung menyumbang kepada pencapaian Strategik Action Plan FPP 2023 secara khusus dan UiTM Strategik Plan 2025 secara keseluruhannya **(Bukti 2.3.3)**.

Untuk memastikan keberkesanan dan keterlibatan semua, prancangan inisiatif disebarluaskan secara berkala kepada seluruh warga FPP, UiTM, dan pemegang taruh melalui pelbagai kaedah komunikasi yang efektif. Pada peringkat FPP, Dekan secara berkala menyampaikan Amanat Dekan kepada warga FPP, yang memberi penekanan kepada hala tuju perancangan strategik fakulti serta pembentangan petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh universiti **(Bukti 2.3.4a)**. Selain itu, Buku Pelan Tindakan Strategik FPP, hasil daripada Bengkel Pelan Tindakan Strategik yang diadakan setiap tahun, disebarkan kepada warga FPP melalui Memo Dekan **(Bukti 2.3.4b)**. Lawatan Dekan ke kampus cawangan pula dilaksanakan untuk menyampaikan hala tuju FPP kepada warga di kampus cawangan serta mendapatkan maklum balas untuk tujuan penambahbaikan proses **(Bukti 2.3.4c)**.

Perluasan maklumat kepada pemegang taruh dilaksanakan dengan melibatkan Pengurusan Tertinggi UiTM. Hala tuju dan pelan strategik FPP dibincangkan dengan Naib Canselor UiTM semasa Mesyuarat Eksekutif Khas Bersama Naib Canselor **(Bukti 2.3.5a)**. Pencapaian PI FPP disebarluaskan kepada pemegang taruh melalui laman sesawang dan media sosial FPP **(Bukti 2.3.5b)**. Perkongsian perancangan strategik dan hala tuju FPP bersama pemimpin pelajar FPP juga diadakan **(Bukti 2.3.5c)**, serta rakan industri dan universiti **(Bukti 2.3.5d)**.

Keseluruhan perancangan, pelaksanaan, dan penyebaran OS dan IS menunjukkan komitmen FPP dalam mencapai kecemerlangan kewangan yang mampan, selaras dengan matlamat strategik UiTM dan visi negara. FPP terus berusaha memastikan kelestarian kewangan yang dinamik, yang seterusnya akan menyumbang kepada kejayaan UiTM sebagai sebuah universiti terkenal di peringkat global.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_P01\\_PB03\\_20241\\_Bukti 2.3.1.pdf](#)
2. [F0023\\_P01\\_PB03\\_20242\\_Bukti 2.3.2.pdf](#)
3. [F0023\\_P01\\_PB03\\_20243\\_Bukti 2.3.3.pdf](#)
4. [F0023\\_P01\\_PB03\\_20244\\_Bukti 2.3.4a, Bukti 2.3.4b & Bukti 2.3.4c.pdf](#)
5. [F0023\\_P01\\_PB03\\_20245\\_Bukti 2.3.5a, Bukti 2.3.5b, Bukti 2.3.5c & Bukti 2.3.5d.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FPP melaksanakan secara sistematik dan konsisten dalam memantau pencapaian Objektif Strategik (OS) dan pelaksanaan Inisiatif Strategik (IS) dalam Bidang Tumpuan (BT) Pengurusan Kewangan. Pelan pemantauan disediakan untuk memastikan setiap OS dan IS dapat dicapai dan dilaksanakan dengan berkesan. Pendekatan ini menggunakan model PDCA, dengan kitaran proses yang diaplikasi sepenuhnya untuk menilai operasi dan hasil yang berkaitan dengan fokus utama iaitu penjana pendapatan, penjimatan kos, dan pendanaan program **(Bukti 2.4.1.1)**.

Buku Pelan Tindakan Strategik (SAP FPP 2023) yang disediakan menjadi rujukan utama dalam pemantauan OS dan IS **(Bukti 2.4.1.2)**. Buku ini juga menyenaraikan IS yang dirancang dan pelaksana yang bertanggungjawab bagi setiap IS **(Bukti 2.4.1.3)**.

Kepimpinan FPP menetapkan semua IS BT yang disenaraikan perlu melalui semakan, penganalisaan dan kajian keberkesanan serta tindakan penambahbaikan berikut:

1. Pencapaian inisiatif/SAP FPP yang menyokong UiTM Pelan Strategik 2025 dilaporkan **secara bulanan** dalam mesyuarat JKEF **(bukti 2.4.1.3a)**. Peneraju inisiatif diminta mengemukakan laporan kemajuan kepada Koordinator PS FPP yang melaporkan melalui system UPMO **(bukti 2.4.1.3b)**.
2. Pemantauan dan menilai prestasi inisiatif secara Quarterly Performance Review melalui mesyuarat pencapaian SAP FPP dengan kekerapan 4 kali setahun **(bukti 2.4.1.3c)**.
3. Retreat Perancangan Strategi Fakulti melaporkan pencapaian tahunan secara keseluruhan. Dekan akan membentangkan pencapaian keseluruhan fakulti dan menetapkan sasaran baharu untuk tahun berikutnya dalam amanatnya **(bukti 2.4.1.3d)**.

Pencapaian IS dipantau secara efektif melalui mesyuarat utama FPP yang ditetapkan. Penyelaras Perancangan Strategik (PSTU) FPP bertanggungjawab membentangkan kemajuan IS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FPP (JKEF) dan Mesyuarat Sukuan Pelan Tindakan Strategik **(Bukti 2.4.1.4b)**. Pembentangan berdasarkan laporan pencapaian PI yang diterima daripada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) melalui sistem UePMO dan UiSMS. FPP membangunkan sistem FBMS yang menjadi platform utama dalam pemantauan proses IS **(Bukti 2.4.1.4c)**. Pemantauan IS juga dibincangkan dalam Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti (JTAF) yang berkaitan dengan insentif pendanaan program dan perbelanjaan operasi.

Penambahbaikan IS dilakukan berdasarkan hasil pencapaian dan pemantauan yang dijalankan. Penambahbaikan ini dibincangkan dalam Mesyuarat JKEF dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), di mana cadangan dari PSTU serta pelaksana IS diambil kira **(Bukti 2.4.1.5)**. Retreat Perancangan Strategi Fakulti menjadi platform penting untuk melibatkan semua pihak dalam perbincangan penambahbaikan IS dan proses-proses yang berkaitan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_Bukti 2.4.1.1.pdf](#)
2. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_Bukti 2.4.1.2 hingga Bukti 2.4.1.3.pdf](#)

- ~~4. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_Bukti 2.4.1.4a, Bukti 2.4.1.4b & Bukti 2.4.1.4c.pdf](#)~~
4. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_Bukti 2.4.1.4a, Bukti 2.4.1.4b & Bukti 2.4.1.4c.pdf](#)
5. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20245\\_Bukti 2.4.1.5.pdf](#)



## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko FPP) dilaksanakan secara sistematik untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang berpotensi menjejaskan pelaksanaan OS dan IS dalam Pengurusan Kewangan. Pendekatan ini selaras dengan Manual Pengurusan Risiko UiTM, yang menyediakan kerangka pengurusan risiko, termasuklah mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan risiko secara terperinci di FPP (Bukti 2.4.2.1).

FPP mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan BT melalui pelbagai input yang diperolehi daripada pelaksana IS. Input diperolehi dan dikumpulkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF) dan Bengkel Pelan Tindakan Strategik (PTS) FPP. Risiko utama yang berkaitan dengan BT telah dikenalpasti dan disenaraikan dalam Daftar Risiko Pengoperasian FPP termasuk risiko penjana pendapatan yang melibatkan kemampuan untuk memperoleh dana secara konsisten dan penjimatan kos penyelenggaraan yang tinggi (Bukti 2.4.2.2).

FPP juga mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan IS, khususnya dalam Pendanaan Program. Contohnya, risiko di Bahagian Akademik termasuk kebolehpasaran graduan yang semakin mencabar, sementara risiko di Bahagian Penyelidikan dan Inovasi adalah kekurangan dana untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan inovasi (Bukti 2.4.2.3).

Pengurusan risiko di FPP dikawal sepenuhnya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR), yang diadakan secara berkala dan dipengerusikan oleh Dekan FPP. JPR ini dihadiri oleh pemilik risiko dari pelbagai bahagian di FPP. Mesyuarat dikenal oleh Penyelaras Unit Pengurusan Risiko (UPR) FPP yang bertanggungjawab untuk mengumpulkan dan menganalisis risiko yang telah dikenal pasti dan didaftarkan. Setiap risiko yang dibincangkan dalam mesyuarat JPR akan dianalisis secara mendalam untuk menentukan boleh dikawal dengan baik atau memerlukan tindakan tambahan (Bukti 2.4.2.4a & Bukti 2.4.2.4b).

Risiko yang dikenalpasti dan dianalisis dalam perbincangan JPR dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Penyelaras UPR FPP dan Penyelaras Perancangan Strategik (PSTU) akan membentangkan Laporan dan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko FPP. Cadangan penambahbaikan akan dibincangkan dan dilaksanakan untuk mencegah risiko yang serupa daripada berulang pada masa hadapan (Bukti 2.4.2.5).

Dengan pelaksanaan tindakan risiko yang teliti, FPP memastikan bahawa setiap risiko yang berpotensi menjejaskan pelaksanaan OS dan IS dalam Pengurusan Kewangan diuruskan dengan berkesan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu FPP dalam mencapai objektif tetapi juga memperkukuh keupayaan fakulti untuk menghadapi cabaran dalam pengurusan kewangan dan pengoperasian fakulti, selaras dengan matlamat strategik universiti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_Bukti 2.4.2.1.pdf](#)
2. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_Bukti 2.4.2.2.pdf](#)
3. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_Bukti 2.4.2.3.pdf](#)
4. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_Bukti 2.4.2.4a & Bukti 2.4.2.4b.pdf](#)
5. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20245\\_Bukti 2.4.2.5.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPP menekankan kepentingan penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan IS yang berkaitan dengan Pengurusan Kewangan. Proses penambahbaikan ini dilaksanakan secara sistematik dan berstruktur melalui beberapa mekanisme utama berikut:

1. Bengkel Pelan Tindakan Strategik (PTS) yang diadakan setiap tahun dan melibatkan semua Pengarah IS. Bengkel diketuai oleh Dekan FPP dan memberi fokus kepada penilaian pencapaian IS tahun sebelumnya. Analisis terperinci dilakukan terhadap pencapaian IS, mengambil kira faktor dalaman dan luaran serta risiko yang berpotensi menjadi pemangkin atau halangan kepada penambahbaikan. Input yang diperoleh daripada bengkel PTS ini digunakan sebagai asas untuk meningkatkan pencapaian IS pada tahun berikutnya (Bukti 2.4.3.1).

2. Pencapaian dan penambahbaikan IS dibincangkan secara berkala dalam mesyuarat yang melibatkan Dekan dan Pengurusan Kanan FPP. Mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF) meneliti IS Bidang Tumpuan Pengurusan Kewangan dari sudut strategik dan operasi. Mesyuarat ini juga membudayakan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan Pelaksana IS (Bukti 2.4.3.2).

3. Tindakan penambahbaikan IS dilakukan berdasarkan laporan yang dibentangkan oleh Ketua Unit Kualiti (KUK), Penyelaras Perancangan Strategik Universiti (PSTU), dan Penyelaras Unit Pengurusan Risiko (UPR), dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Dalam mesyuarat ini, cadangan penambahbaikan dibincangkan secara terperinci untuk memberikan input yang relevan kepada Pengurusan Kanan dalam usaha meningkatkan lagi pencapaian IS (Bukti 2.4.3.3).

4. Dekan FPP dan Pengurusan Kanan sentiasa memastikan komunikasi yang efektif dalam penyampaian IS kepada seluruh warga FPP. Salah satu kaedah yang digunakan adalah melalui program "Sehari Bersama Pengurusan," di mana Dekan dan Pengurusan Kanan membuat pembentangan tentang IS yang dirancang. Program ini juga menyediakan ruang untuk mendapatkan maklum balas daripada warga FPP, yang kemudiannya digunakan sebagai input untuk penambahbaikan IS (Bukti 2.4.3.4). Selain itu, FPP turut menerbitkan Buku Pelan Tindakan Strategik yang diedarkan kepada semua warga FPP. Buku ini mengandungi maklumat tentang Pencapaian dan Perancangan IS serta peranan Pelaksana IS, menjadikan ia rujukan penting bagi semua warga fakulti (Bukti 2.4.3.5).

Melalui pelaksanaan bengkel PTS, mesyuarat pengurusan berkala, dan inisiatif komunikasi yang efektif, FPP memastikan proses penambahbaikan IS dijalankan dengan teliti dan berfokus. Pendekatan ini memastikan bahawa setiap IS dilaksanakan dengan kecekapan maksimum, selaras dengan objektif strategik fakulti dan matlamat keseluruhan universiti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_Bukti\\_2.4.3.1.pdf](#)
2. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_Bukti\\_2.4.3.2.pdf](#)
3. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_Bukti\\_2.4.3.3.pdf](#)
4. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_Bukti\\_2.4.3.4.pdf](#)
5. [F0023\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20245\\_Bukti\\_2.4.3.5.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPP melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas Inisiatif Strategik (IS) dalam bidang pengurusan kewangan serta aktiviti-aktiviti jabatan yang dapat meningkatkan pencapaian inisiatif. FPP mengamalkan budaya penambahbaikan secara berterusan hasil daripada pemantauan dan analisis IS yang telah dilaksanakan secara berkala melalui kaedah yang telah ditetapkan seperti Retreat Perancangan Strategik FPP, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF) yang membincangkan kemajuan IS BT yang merangkumi Penjanaaan Pendapatan, Penjimatan Kos dan Pendanaan Program. Selain itu, tindakan pemantauan juga dilaksanakan melalui sistem atas talian seperti FBMS dan UePMO **(Bukti 2.5.1)**.

Berdasarkan analisa data pencapaian inisiatif, FPP melaksanakan pelan tindakan penambahbaikan dengan menyenaraikan strategi baru untuk mencapai sasaran dengan penetapan tindakan dan tempoh pelaksanaan serta penilaian semula sasaran ke atas inisiatif BT. Pembudayaan tindakan penambahbaikan berterusan dapat dilihat daripada penganjuran Bengkel Pelan Tindakan Strategik (PTS) pada setiap tahun yang mana pencapaian IS akan dibincang dan dianalisa oleh Pengurusan Kanan FPP bersama Pelaksana IS dan akhirnya perancangan IS tahun berikutnya dapat dihasilkan **(Bukti 2.5.2a)**.

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) pula menjadi mekanisme kepada tindakan penambahbaikan melalui input daripada laporan yang dibentangkan oleh Ketua Unit Kualiti (KUK), Penyelaras Perancangan Strategik Universiti (PSTU) dan Penyelaras Unit Pengurusan Risiko (UPR), cadangan penambahbaikan akan dibincangkan secara bersama di antara Pengurusan Kanan dan ahli mesyuarat **(Bukti 2.5.2b)**.

Kepimpinan FPP percaya penglibatan semua warga secara inklusif terhadap IS Bidang Tumpuan dapat meningkatkan pencapaian prestasi FPP. Untuk itu, penglibatan secara terus terhadap IS dibuat melalui delegasi tugas dan tanggungjawab kepada Pelaksana IS bagi melaksanakan IS yang telah dirancang **(Bukti 2.5.3)**. Budaya kebersamaan semua warga dalam melaksanakan IS akan memacu kecemerlangan prestasi FPP ke tahap yang lebih tinggi.

IS Bidang Tumpuan disebar luas kepada warga dengan penghasilan Buku Pelan Tindakan Strategik (PTS) FPP yang dikongsi bersama dan ini membolehkan semua warga memahami dan menerima perancangan IS **(Bukti 2.5.4a)**. Selain itu, Pelan Tindakan Strategik FPP ini juga disebar luas kepada Pengurusan Tertinggi UiTM serta pemegang taruh seperti rakan strategik FPP dan pelajar **(Bukti 2.5.4b)**. Dengan adanya usaha ini, FPP mengharapkan IS dapat dilaksanakan dengan lebih baik serta mencapai objektif yang telah ditetapkan hasil daripada sokongan semua pemegang taruh.

Dalam membudayakan kecemerlangan prestasi melalui pelaksanaan IS, Kepimpinan FPP sentiasa berusaha mewujudkan kerjasama yang baik dengan rakan strategik dari dalam dan luar negara. Projek Business Simulation: He & She, adalah satu inisiatif serampang dua mata bersama industri yang menjurus kepada Penjanaaan Pendapatan dan memberi latihan kepada pelajar. Projek komuniti *My School Our Future Generation (MyGEN)* dengan sumbangan dana oleh MBSB Bank menyokong kepada inisiatif Penjimatan Kos serta memupuk hubungan yang baik bersama komuniti pelajar sekolah seluruh Malaysia. Projek mobilti pelajar ke luar negara menjadikan ia satu inisiatif Pendanaan Program yang mana dapat meningkatkan ketampakan FPP di arena antarabangsa serta memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu dan pengalaman ketika berada di luar negara **(Bukti 2.5.5)**.

maklumi biasa warga FPP juga diambilnya untuk penambahbaikan prestasi secara berterusan bagi inisiatif strategik yang dilaksanakan. Sebagai contoh, maklumbalas warga dalam Mesyuarat Staf Akademik FPP telah diambil tindakan bagi memastikan kepuasan hati warga akademik diberi keutamaan oleh kepimpinan FPP dalam menggerakkan fakulti secara keseluruhannya.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_P01\\_PB05\\_20241\\_Bukti 2.5.1.pdf](#)
2. [F0023\\_P01\\_PB05\\_20242\\_Bukti 2.5.2a & Bukti 2.5.2b.pdf](#)
3. [F0023\\_P01\\_PB05\\_20243\\_Bukti 2.5.3.pdf](#)
4. [F0023\\_P01\\_PB05\\_20244\\_Bukti 2.5.4a & 2.5.4b.pdf](#)
5. [F0023\\_P01\\_PB05\\_20245\\_Bukti 2.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FPP sentiasa komited untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan **aktiviti penjaanaan pendapatan, penjimatan kos dan pendanaan** dengan memberi tumpuan kepada kepuasan pelanggan. Pelanggan yang juga merupakan salah satu pemegang taruh FPP merangkumi pelajar, staf akademik dan pentadbiran, industri, alumni, komuniti, masyarakat setempat, ibu bapa serta badan dan agensi kerajaan. Kepuasan hati pelanggan diukur melalui aktiviti pendanaan hasil dari kelestarian kewangan di FPP serta komunikasi menerusi maklum balas dan tindakan susulan hasil maklumbalas yang diberikan.

Untuk mengekalkan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan dalam bidang tumpuan, FPP mengguna pakai **model PDCA** dalam pendekatan tumpuan pelanggan sejajar dengan **Piagam Pelanggan, Perancangan Strategik FPP dan Pelan Strategik UiTM2025**.

**Perancangan** FPP dalam pengurusan pelanggan dapat diselarikan dengan Pelan Tindakan Strategik FPP dan Pelan Strategik UiTM2025 melalui pengenalan pelanggan dalaman dan luaran yang menyasarkan **prestasi berorientasikan nilai** menerusi **kelestarian kewangan**. FPP sentiasa memastikan keperluan para pelanggan dapat difahami dan dipenuhi di dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti melalui perkongsian pengetahuan, kolaborasi penyelidikan, latihan, penganjuran konferensi dan program, penilaian prestasi pelajar dan aktiviti kemasyarakatan.

**Perlaksanaan** agenda pengurusan dan maklum balas pelanggan melalui inisiatif strategik telah dizahirkan dengan inovasi bidang tumpuan secara atas talian seperti sistem **FBMIS (Faculty of Business and Management Integrated System)** yang menawarkan capaian mudah alih maklumat serta tadbir urus kepada semua pemegang taruh FPP (staf, pelajar dan industri) secara **inklusif (Inclusivity) dan berakauntabiliti (Accountability)**. Bagi setiap inisiatif strategik yang diinovasikan, maklum balas dari pemegang taruh adalah penting kerana ia menggambarkan kehendak dan keperluan mereka. Dalam usaha menjayakan bidang tumpuan ini, FPP telah **mendapatkan maklum balas** melalui pelbagai **mekanisme komunikasi (Communication) dua hala** seperti media sosial, emel, program bersemuka, kaji selidik melalui **QR Code Pigeonhole**, sistem SAIS dan e-aduan. FPP juga sentiasa melibatkan pelanggan dalam pelaksanaan inisiatif melalui sesi libat urus, mesyuarat bersama pemilik proses dan siri taklimat serta bengkel.

**Pemantauan** secara berterusan sentiasa dilakukan oleh pihak pengurusan FPP melalui **inovasi tatakelola bersepadu dan sistematik seperti sistem FBMIS, jawatankuasa berkaitan dan Borang Maklumbalas dan Kepuasan Hati** telah membolehkan pelbagai inisiatif dan penambahbaikan dilaksanakan mengikut tempoh yang disasarkan sepanjang pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik FPP. Tatakelola dan tadbir urus yang efektif dan sistematik menerusi sistem FBMIS ternyata berkesan dengan mendapat pengiktirafan universiti di Majlis Kemuncak Inovasi. Selain itu, FPP juga telah **mengenal pasti risiko-risiko yang boleh mendatangkan kesan kepada pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik FPP** terutamanya pendedahan kepada risiko kewangan. Aktiviti dan operasi yang memberikan kesan kepada **kelestarian kewangan** fakulti, seperti pengurusan dana menerusi geran dari pihak industri.

Lensa FPP tidak hanya bertumpu kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif strategik malah FPP juga mengambil kira **tindakan penambahbaikan** yang perlu dilaksanakan. Antara tindakan penambahbaikan yang dijalankan adalah **menaiktaraf sistem FBMIS, proses Pengurusan Aduan Maklumat Pelanggan dan Pengurusan Maklum Balas Pelanggan, pengurusan risiko dan juga latihan dan pembangunan staf** dapat memastikan aduan dan maklum balas pelanggan dapat diselesaikan dengan segera, diurus dengan cekap dan keputusan tindakan pencegahan dikongsikan kepada warga FPP untuk penambahbaikan dan pembelajaran. Justeru, kerjasama dan kolaborasi yang mantap antara pemegang taruh FPP meningkatkan ketampakan dan reputasi FPP dalam mencapai **Pelan Perancangan**

**Strategik FPP** selari dengan **Pelan Strategik UiTM2025**.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**Penglibatan berterusan (*Engagement*)** pelanggan secara inklusif dan sistematik didalam inisiatif strategik **penjanaan pendapatan, penjimatan kos dan pendanaan di FPP** adalah amat penting. Penglibatan berterusan pelanggan ini dapat dicapai menerusi perkongsian maklumat dan maklumbalas dari pelbagai kumpulan pelanggan. Melalui proses PDCA (**Bukti 3.2.1a**), dua kumpulan sasar dikenalpasti bagi bidang tumpuan; Pengurusan Kewangan; iaitu (1) pelanggan dalaman, dan (2) pelanggan luaran. **Proses mengenalpasti kumpulan sasaran** dilakukan menerusi Pelan Tindakan Strategik FPP, Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Bahagian Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN).

Pelanggan dalaman dan luaran FPP merupakan pemegang taruh yang menerima perkhidmatan pengurusan kewangan secara langsung atau berkepentingan di dalamnya. **Pelanggan dalaman merangkumi staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar (pelajar siswazah serta pasca siswazah)**. Di kampus Puncak Alam ketika ini, terdapat seramai 297 staf akademik dan 39 staf pentadbiran. Di seluruh sistem UiTM, pelajar siswazah serta pasca siswazah adalah seramai 37,889 pelajar. **Pelanggan luaran** ialah golongan profesional dari **industri dan agensi luar (alumni, badan kerajaan dan swasta)** yang berkolaborasi antara lain didalam membangun dan menambahbaik program akademik, menjayakan program pembangunan pelajar serta projek penyelidikan bersama staf. **Komuniti** juga merupakan pelanggan luaran yang sentiasa dihubung rapat menerusi program pembangunan masyarakat. Manakala, **ibu bapa** adalah pelanggan luaran yang mempengaruhi inisiatif FPP dalam menyediakan perkhidmatan akademik terbaik dan berdaya saing. Selaku pemegang taruh penting, hubungan baik bersama kedua-dua kumpulan pelanggan ini dipupuk dan diperkasakan (**Empowered**) melalui pelbagai kolaborasi kepakaran seperti jemputan ke sesi perkongsian pengetahuan, penyelidikan bersama, penganjuran konferensi, dan pertandingan inovasi.

**Pendekatan sistematik digunakan untuk mengetahui jangkaan, keperluan serta maklum balas pelanggan** seperti contoh, **QR Code Pigeonhole** yang diguna pakai ketika mesyuarat staf akademik, **ICAN Week** dan **Sistem SAIS (Student Activity Information System)** yang mengumpulkan maklumbalas industri berkaitan pencapaian pelajar sewaktu menjalani latihan praktikal (**Bukti 3.2.1b**), **ABRIC Conference Survey** (mengumpulkan maklum balas peserta terhadap penganjuran konferensi) dan **Town Hall bersama pelajar** (menenalpasti jangkaan dan maklum balas pelajar pasca siswazah terhadap perkhidmatan dan program akademik di FPP).

Selain dari mendapatkan maklum balas daripada pelanggan, FPP mengguna pakai mekanisme **pendekatan komunikasi, penyebaran maklumat dan perkongsian pengetahuan** seperti berikut:

Media Sosial (Pelanggan dalaman dan luaran)

- i. Laman sesawang FPP (<https://fbm.uitm.edu.my/>, <https://fbmpandp.uitm.edu.my/>)
- ii. Facebook (<https://www.facebook.com/pages/Faculty-Of-Business-Management-FBM-UiTM/>)
- iii. Instagram (<https://www.instagram.com/fbmuitm/>)
- iv. TikTok ([https://www.tiktok.com/@fbm\\_uitm](https://www.tiktok.com/@fbm_uitm))

Emel (Pelanggan dalaman)

- i. Memo Dekan ([dekanfpp@uitm.edu.my](mailto:dekanfpp@uitm.edu.my))
- ii. Unit Komunikasi Korporat FPP ([fbm@uitm.edu.my](mailto:fbm@uitm.edu.my))

Bersemuka (Pelanggan dalaman)

- i. Mesyuarat Staf Akademik / Program Sehari Bersama Pengurusan FPP (**Bukti 3.2.1c**)
- iii. Program Interaksi bersama Pensyarah di Cawangan (**Bukti 3.2.1d**)
- iv. Rundingan Meja Bulat: Program Pasca siswazah
- v. Anjuran siri latihan dan kursus di fakulti dan Institut Kempimpinan dan Pembangunan (ILD)

Laman Sesawang (Pelanggan dalaman dan luaran)

- i. FBMS (Faculty of Business and Management Integrated System) (<https://fbmis.uitm.edu.my/>)
- ii. eAduan (<https://units.uitm.edu.my>)

Kedua-dua kumpulan pelanggan FPP ini menjadi **tunjang kelestarian kewangan** di FPP. Mereka menyumbang kepada pengetahuan baru, kolaborasi industri, dan jaringan komuniti yang jitu seperti aktiviti kemasyarakatan, ***My School: Our Future Generation (MyGEN)*** (**Bukti 3.2.1e**) hasil perolehan geran dari **MBSB Bank**. Dengan memenuhi keperluan pelanggan, FPP dapat memupuk sinergi **penjanaaan pendapatan, penjimatan kos dan pendanaan** dengan lebih berkesan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_T01\\_TB02\\_20241\\_Bukti 3.2.1a - Model PDCA.pdf](#)
2. [F0023\\_T01\\_TB02\\_20242\\_Bukti 3.2.1b - Maklumbalas Industri bagi Prestasi Pelajar LI.pdf](#)
3. [F0023\\_T01\\_TB02\\_20243\\_Bukti 3.2.1c - Aturcara Program Sehari Bersama Pengurusan FPP.pdf](#)
4. [F0023\\_T01\\_TB02\\_20244\\_Bukti 3.2.1d - Sesi Interaksi Bersama FPP Cawangan.pdf](#)
5. [F0023\\_T01\\_TB02\\_20245\\_Bukti 3.2.1e - MyGEN Program.pdf](#)



### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan **pengurusan, penyimpanan data dan penglibatan pelanggan dalaman dan luaran** dapat dilaksanakan dengan lebih **sistematik, inklusif dan berintegriti (*Integrity*)**, FPP telah menginovasikan sistem **FBMIS (Bukti 3.3.1a)** yang boleh dicapai di laman sesawang <https://fbmis.uitm.edu.my/>. Bagi data pelanggan dalaman, maklumat juga dapat dikumpulkan melalui sistem yang dibangunkan oleh UiTM seperti UITM EXPERT. Data berkenaan pelajar siswazah dan pelajar pascasiswazah pula dikumpulkan melalui sistem SIMS (pelajar siswazah dan pascasiswazah) dan UPTRACKS (pelajar pascasiswazah).

Pelbagai kaedah **perluasan melalui sistem dalam talian** seperti **FBMIS** dimana ia digunapakai oleh pelanggan FPP (staf akademik, staf pentadbiran, pelajar, industri) untuk menyelaraskan aktiviti berkaitan penajaan pendapatan, penjimatan dan pendanaan serta aktiviti akademik di FPP. Permohonan dari staf untuk menghadiri kursus/ bengkel/ latihan/ persidangan, membentangkan kertas kerja di persidangan dan menjalankan aktiviti akademik dapat dilakukan dengan efisien melalui sistem **HRIS (Human Resource Information System)**. Selain itu, penajaan surat lantikan staf akademik sebagai penyelia bagi pelajar latihan praktikal dan pengurusan penilaian markah latihan praktikal pelajar siswazah juga boleh dilaksanakan melalui inovasi sistem **STIS (Student Internship Information Training System) (Bukti 3.3.1b)**. Sistem STIS membolehkan keperluan penilaian markah dan maklum balas dari staf akademik dan penyelia industri di rekod secara berpusat, dinamik, mengikut garis masa ditetapkan dan seterusnya boleh dianalisa oleh FPP untuk membentuk perancangan strategik pada masa hadapan. Sistem **SAIS (Students Activity Information System)** pula berperanan merekod dan menyelaraskan aktiviti pelajar terutamanya yang melibatkan implikasi kewangan oleh FPP bertujuan menilai pulangan dari pelaburan (manfaat kepada pembangunan pelajar) dari aktiviti yang telah dilaksanakan. Selain itu, **maklum balas dan penilaian oleh pelajar** dapat dikumpulkan dari sistem yang dibangunkan oleh UiTM seperti **Students' Feedback Online (SUFO) (Bukti 3.3.1c)**.

Antara usaha yang telah dapat meningkatkan ketampakan kepakaran dan keserjanaan warga FPP kepada pelanggan luaran bagi memacu aktiviti **penajaan pendapatan dan pendanaan bersama industri dan agensi luar** menerusi kolaborasi penyelidikan adalah dengan **membangunkan direktori staf** di laman sesawang FPP (<https://fbm.uitm.edu.my/index.php/research/people>) yang mengandungi maklumat berkaitan bidang penyelidikan dan kepakaran khusus setiap staf akademik (**Bukti 3.3.1d**). Hasilnya, ia membantu perolehan dana menerusi geran dari industri di mana pada tahun 2023, FPP berjaya memperoleh sejumlah **RM 143,469** dari **MBSB Bank**, seterusnya membantu FPP melaksanakan inisiatif pendanaan menerusi program pembangunan komuniti, *My School: Our Future Generation* (MyGEN).

Kaedah **penentuan penglibatan pelanggan** dilaksanakan mengikut kumpulan sasaran agar bersesuaian dengan program-program yang dilaksanakan. Sebagai contoh, taklimat kepada pengguna dijalankan untuk memberi kefahaman tentang penggunaan sistem FBMIS secara lebih jelas. Staf FPP khususnya dilibatkan dalam sesi latihan agar mereka lebih memahami manfaat inovasi sistem **FBMIS** yang **memudahkan operasi dan menjimatkan kos**.

Dalam usaha memastikan keperluan pelanggan FPP sentiasa diutamakan, aduan-aduan yang diterima melalui emel, program bersemuka dan laman sesawang diberikan maklum balas dengan segera manakala aduan yang memerlukan tempoh penelitian akan dimaklumkan semula setelah keputusan dan penyelesaian diperolehi. Sesi perbincangan penambahbaikan sistem FBMIS (**Bukti 3.3.1e**) contohnya adalah **inisiatif penambahbaikan** yang dilaksanakan sebagai tindakan susulan dari maklum balas pelanggan mengenai penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap sistem ini dan aliran proses di sistem yang boleh diperkembangkan. Maklum balas pelanggan daripada penglibatan ini juga menjadi input penting yang diterjemahkan ke penambahbaikan inisiatif strategik keseluruhan di FPP.

## **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_T01\\_TB03\\_20241\\_Bukti\\_3.3.1a - Faculty of Business and Management Integrated System \(FBMIS\).pdf](#)
2. [F0023\\_T01\\_TB03\\_20242\\_Bukti\\_3.3.1b - Penilaian Markah Latihan Praktikal di STIS.pdf](#)
3. [F0023\\_T01\\_TB03\\_20243\\_Bukti\\_3.3.1c - Contoh Laporan Sufo Kursus di FPP \(FIN542\).pdf](#)
4. [F0023\\_T01\\_TB03\\_20244\\_Bukti\\_3.3.1d - Research Focus Group \(RFG\).pdf](#)
5. [F0023\\_T01\\_TB03\\_20245\\_Bukti\\_3.3.1e - Mesyuarat Penambahbaikan FBMIS.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Penglibatan Kumpulan Sasaran Dalam Pemantauan dan Penambahbaikan**

FPP telah melibatkan kumpulan sasaran dalam proses pemantauan dan penambahbaikan dalam bidang tumpuan. Kumpulan sasaran FPP adalah semua kategori pelanggan. Pelanggan yang juga merupakan salah satu pemegang taruh FPP merangkumi pelajar, staf akademik dan pentadbiran, industri, alumni, komuniti, masyarakat setempat, ibu bapa serta badan dan agensi kerajaan. **Maklum balas kumpulan sasaran dibentangkan dan dibincangkan di platform berikut:**

#### **3.4.1.1 Mesyuarat Pengurusan FPP**

Status pencapaian objektif dan inisiatif strategik FPP yang dirancang dan dilaksanakan sentiasa dipantau dan dilaporkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF)** termasuk isu, permohonan dan proses yang melibatkan pelanggan FPP. Selain itu, di peringkat pemegang kelulusan kewangan, kertas cadangan pelaksanaan inisiatif strategik FPP dipantau melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF)** di mana setiap aktiviti yang memohon peruntukkan kewangan perlu mematuhi Kod Akaun Wang Pengurusan dan Kod Projek Tabung Amanah agar aktiviti yang dijalankan mengikut piawaian pejabat bendahari. (Bukti 3.4.1.1a - Struktur Tadbir Urus Pengoperasian & Pengurusan FPP Puncak Alam)

#### **3.4.1.2 Sesi Libat Urus Bersama Pelanggan Utama FPP**

FPP telah mengadakan sesi libat urus bersama pelanggan-pelanggan utama FPP bagi memantau dan mendapatkan maklum balas penambahbaikan terhadap pelaksanaan inisiatif strategik FPP serta memastikan **penglibatan yang berterusan** antara FPP dan pelanggan utama FPP. FPP juga menyasarkan aduan serta maklum balas daripada staf dan pelajar terutamanya supaya kelemahan yang wujud dapat **diperbetulkan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa**. (Bukti 3.4.1.1b: Program Bersama Pelanggan Utama FPP)

#### **3.4.1.5 Audit Dalam dan Audit Luar**

Pengauditan yang dijalankan secara dalaman di peringkat FPP dan universiti merupakan platform berkesan dalam **memantau pengurusan kewangan FPP**. Isu penemuan audit yang akan menjejaskan **kelestarian kewangan** terutamanya akan dikenalpasti dan ditambah baik bagi operasi pada masa depan. (Bukti 3.4.1.1c: Laporan Audit Dalam Dan IQMS FPP)

#### **3.4.1.6 Sistem FBMS**

Pemantauan melalui sistem FBMS digunapakai bagi **pemantauan dan pengurusan aktiviti secara berpusat dan dinamik** yang melibatkan pelanggan dari aspek akademik, penyelidikan, hal ehwal pelajar dan penyelia industri. (Bukti 3.4.1.1d: Sistem FBMS)

#### **3.4.1.7 Pulangan dari Pendanaan (ROI)**

FPP akan **memantau aktiviti-aktiviti pelanggan yang menggunakan peruntukan kewangan dari FPP**. Contohnya sistem FBMS-SAIS bagi aktiviti pelajar di mana pelajar perlu menghantar laporan akhir. (Bukti 3.4.1.1e: Sistem FBMS-SAIS dan STIS)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_Bukti 3.4.1.1a - Struktur Tadbir Urus Pengoperasian & Pengurusan FPP Puncak Alam.pdf](#)
2. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_Bukti 3.4.1.1b - Program Bersama Pelanggan Utama FPP.pdf](#)

- ~~3. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_Bukti 3.4.1.1d - Sistem FBMIS.pdf](#)~~
4. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_Bukti 3.4.1.1d - Sistem FBMIS.pdf](#)
5. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20245\\_Bukti 3.4.1.1e - Sistem FBMIS-SAIS & STIS.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPP telah mengenalpasti risiko dan mengambil tindakan kawalan dalam memastikan pengurusan kewangan yang mampan dilaksanakan menjurus kepada kelestarian kewangan FPP.

#### 3.4.2.1 Kualiti Pengajaran Terjejas

Punca:

Jumlah pensyarah yang tidak mencukupi terutamanya dalam bidang tertentu adalah disebabkan oleh terdapat pensyarah yang berpencen, bilangan pelajar yang bertambah, kursus servicing dan juga pensyarah yang cuti sakit.

Tindakan Kawalan:

FPP memohon penambahan waran bagi pengambilan pensyarah baru secara berperingkat dan **mengambil pensyarah PTFT bagi menampung keperluan pensyarah dalam bidang yang diperlukan** serta bagi memenuhi permintaan pensyarah dari fakulti lain yang memerlukan khidmat pensyarah FPP. (Bukti 3.4.2.1a: Laporan Pengambilan dan Bayaran Pensyarah PTFT dan Laporan e-RMS)

#### 3.4.2.2 Tahap Kebolehpasaran Graduan Terjejas

Punca:

Kebolehpasaran graduan terjejas di mana keadaan ekonomi pada pasca pandemic membataskan graduan untuk mendapatkan pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian.

Tindakan Kawalan:

Pelbagai usaha telah dilakukan dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan antaranya dengan mengadakan **kerjasama dan kolaborasi bersama pihak industri**. Acara seperti ICAN Week telah dijalankan dimana secara tidak langsung menjadi **platform bagi pihak industri bertemu dan berkongsi maklumat dengan bakal graduan**. (Bukti 3.4.2.2b: ICAN Week & Laporan GE)

#### 3.4.2.3 Sukar Mencapai Target Enrolmen Pelajar

Punca:

Pelajar tidak mendapat pendedahan dan maklumat lengkap berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan di FPP.

Tindakan Kawalan:

FPP bertindak dengan melantik **Koordinator Promosi** bagi menyelaras aktiviti-aktiviti promosi kemasukan pelajar baru. Selain itu, program komuniti yang melibatkan pelajar sekolah menengah juga dijalankan bagi **memberi pendedahan berkenaan UiTM kepada pelajar**. (Bukti 3.4.2.3c: Koordinator Promosi dan Program Misi Akademik).

#### 3.4.2.4 Cabaran Mewujudkan Hubungan Strategik dengan Rakan Universiti/ Industri Tempatan dan Antarabangsa

Punca:

UiTM meletakkan sasaran agar FPP menjalankan kolaborasi bersama universiti yang tersenarai dalam "Top 300 QS World Ranking". Namun, ranking UiTM dan ekonomi dunia yang tidak stabil menjadi salah satu punca yang melambatkan proses kolaborasi ini.

Tindakan Kawalan:

Antara usaha yang dilakukan dalam mewujudkan **hubungan strategik dengan rakan universiti/ industri tempatan dan antarabangsa** ialah dengan meningkatkan status ranking UiTM dan FPP secara khususnya. Setakat ini, **FPP berjaya menyenaraikan 3 program dalam senarai “QS Ranking by Subjects”**. FPP juga meningkatkan kolaborasi strategik dengan menandatangani MoA dengan rakan universiti/ industri tempatan dan antarabangsa. (Bukti 3.4.2.4d: Senarai MoA) (Bukti 3.4.2.4e: FPP QS Ranking by Subjects)

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_Bukti 3.4.2.1a - Laporan Pengambilan dan Bayaran Pensyarah PTFT dan Laporan e-RMS.pdf](#)
2. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_Bukti 3.4.2.2b - ICAN Week & Laporan GE.pdf](#)
3. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_Bukti 3.4.2.3c - Koordinator Promosi dan Program Misi Akademik.pdf](#)
4. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_Bukti 3.4.2.4d - Senarai MoA.pdf](#)
5. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20245\\_Bukti 3.4.2.4e - FPP QS Ranking by Subjects.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

#### 3.4.3.1 Penambakaan Sistem FBMIS

Sistem FBMIS ialah sistem dalaman bersepadu yang dibangunkan bagi menyokong operasi keseluruhan FPP. FBMIS ternyata membantu dalam **penjimatan kewangan, masa dan sumber manusia**. Justeru itu, FBMIS akan sentiasa diselia dan ditambahbaik bagi memudahkan proses permohonan dan pemantauan bajet bagi memastikan kelestarian kewangan FPP dapat dicapai. Sistem ini membantu warga FPP dalam menjalankan tugas dengan lebih efektif dan berkesan. Keberkesanan sistem FBMIS dapat dilihat dengan beberapa **pengiktirafan dan anugerah yang diterima dalam Majlis Kemuncak Inovasi** peringkat universiti bagi kategori kecemerlangan operasi. (Bukti 3.4.3.1a: Anugerah Kecemerlangan Operasi- FBMIS)

#### 3.4.3.2 Responsif Daripada Maklumbalas Pelanggan

“Program Sehari Bersama Pengurusan FPP” adalah contoh program yang dijalankan bagi **membincangkan prestasi, isu pengoperasian serta mendapatkan maklum balas daripada warga FPP**. Maklumbalas yang diperolehi akan dibawa ke Mesyuarat Akademik FPP untuk dibincangkan. Selain itu, **komunikasi** antara FPP dan pelanggan juga adalah secara penglibatan berterusan di mana platform QR E-Maklum digunakan bagi pelanggan FPP yang berurusan dengan pihak FPP untuk memberikan maklumbalas, aduan dan penghargaan. Maklumat yang diperolehi juga akan dijadikan rujukan bagi penambahbaikan untuk memenuhi jangkaan dan perspektif pelanggan pada masa hadapan demi **menjamin kelestarian kewangan FPP**. (Bukti 3.4.3.2b: Contoh Program Libat Urus Bersama Pengurusan FPP) (Bukti 3.4.3.2c: Maklum Balas Warga FPP Terhadap Pengoperasian Fakulti)

#### 3.4.3.3 Pengurusan Risiko

FPP memandang serius perancangan dan pelaksanaan **pengurusan risiko yang tersusun dan dinamik** menerusi mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko. Risiko yang dikenal pasti akan dibentangkan dan dibincangkan di dalam mesyuarat secara berkala pada setiap empat bulan supaya keputusan tindakan pencegahan dapat diambil segera terutamanya risiko yang memberi impak kepada **kelestarian kewangan** FPP. Keputusan tindakan pencegahan yang dipersetujui kemudiannya **dikongsikan kepada warga FPP untuk penambahbaikan dan pembelajaran**. (Bukti 3.4.3.3d: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko)

#### 3.4.3.4 Latihan dan Pembangunan Staf

**Kehendak dan kepuasan hati pelanggan sentiasa diambil cakna** oleh FPP. Oleh itu, bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran staf sentiasa berada di tahap terbaik, FPP telah merancang dan menjalankan aktiviti, program, kursus, bengkel serta seminar yang berkaitan latihan dan pembangunan staf FPP berkaitan akademik, penyelidikan dan rohani. Staf yang **kompeten, dedikasi dan berintegriti** semestinya akan memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pelanggan. (Bukti 3.4.3.4e: Contoh Kursus, Bengkel Dan Program Untuk Staf)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_Bukti 3.4.3.1a - Anugerah Kecemerlangan Operasi- FBMIS.pdf](#)
2. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_Bukti 3.4.3.2b - Contoh Program Libat Urus Bersama Pengurusan FPP.pdf](#)
3. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_Bukti 3.4.3.2c - Maklum Balas Warga FPP Terhadap Pengoperasian Fakulti.pdf](#)
4. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_Bukti 3.4.3.3d - Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik](#)

.....

5. [F0023\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20245\\_Bukti 3.4.3.4e - Contoh Kursus, Bengkel Dan Program Untuk Staf.pdf](#)



### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Penerapan dan pemeraksanaan (*Empowerment*) budaya FPP berteraskan tumpuan kepada pelanggan secara holistik dan sistematik** telah membantu FPP mencapai objektif Perancangan Strategik FPP dan Pelan Strategik UiTM2025. Kepelbagaian mekanisme pendekatan komunikasi, penyebaran maklumat dan perkongsian pengetahuan dua hala di antara FPP bersama pelanggan serta penglibatan berterusan pelanggan dalam pelaksanaan inisiatif strategiknya seperti melalui sesi libat urus, mesyuarat bersama pemilik proses dan siri taklimat serta bengkel telah menjadi input penting yang diterjemahkan kepada penambahbaikan aktiviti penjana pendapatan, penjimatan kos dan pendanaan di FPP. Hasilnya, FPP telah berjaya membentuk hubungan dinamik bersama pelanggannya serta menerima pelbagai kecemerlangan dan pengiktirafan.

Kecemerlangan dan pengiktirafan ini dapat juga dilihat apabila FPP menerima **Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM 2022 (Anugerah Penjana Pendapatan Cemerlang - Income Generation for Kumpulan Wang Amanah from Education, Training Programmes, Academic Programmes, Competition), UiTM Global Prominence Award 2023, Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU2023) (Anugerah Penjana Pendapatan, Anugerah Penarafan Subjek Terbaik Tiga Tahun Berturut Turut, Fakulti di kedudukan 5 terbaik bagi World Class Faculty Members (Staf Akademik), Fakulti di kedudukan 5 terbaik bagi Highly Involved Industry, Community and Engaged Alumni, Fakulti di kedudukan 3 terbaik dari segi jumlah pelajar pasca siswazah dan antarabangsa) dan Rising Star Partners of the Year for ICDL Asia (Bukti 3.5.1a)**. Pemeraksanaan budaya berteraskan tumpuan kepada pelanggan ini juga telah menyerlahkan ketampakan dan keserjanaan staf akademik FPP menerusi kerjasama erat bersama industri dimana beberapa geran telah diterima seperti dari **MBSB Bank dan Bank Rakyat (Bukti 3.5.1b)** bagi pembangunan aktiviti kemasyarakatan. Manakala, inisiatif pendanaan menerusi simulasi perniagaan dan pembelajaran kepada pelajar hasil jalinan kolaborasi bersama **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), TalentCorp, He and She Coffee, Chatime, CIMB-ISRA dan CGS-CIMB** juga telah terlaksana.

Selain itu, **penyelarasan dan pengurusan secara sistematik aktiviti pembangunan dan tumpuan kepada pelajar telah memberikan pulangan pelaburan** seperti kejayaan penerimaan anugerah **World Championship of Performing Arts, 2022, UiTM Best Graduate Award Recipients dan First Runner Up In The Vice-Chancellor Bahasa Melayu Debate Competition (Bukti 3.5.1c)**.

Satu **inovasi yang sangat bermanfaat adalah pembangunan sistem seperti FB MIS** yang digunapakai oleh pelanggan FPP seperti staf akademik, staf pentadbiran, pelajar dan rakan industri untuk menyelaras aktiviti akademik di FPP. Sistem FB MIS yang telah diiktiraf dalam **Anugerah Kecemerlangan Operasi (Bukti 3.5.1d)** adalah hasil sinergi di antara staf akademik dan staf pentadbiran demi menjamin kepuasan pelanggan apabila pengurusan aktiviti akademik, penilaian markah dan maklum balas dari staf akademik dan penyelia industri dapat di tadbir secara berpusat, dinamik, mengikut garis masa ditetapkan dan seterusnya dianalisa oleh FPP untuk membentuk perancangan strategik pada masa hadapan.

Dalam keseimbangan yang harmoni, **pelanggan dalaman FPP menyumbangkan kepakaran dan keterlibatan dalam menjayakan aktiviti kelestarian kewangan**. Manakala, **pelanggan luaran menjadi rakan kolaborasi FPP dalam membangun dan menambahbaik program akademik, menjayakan program pembangunan pelajar serta masyarakat dan projek penyelidikan bersama staf**. Jalinan sinergi ini mencetuskan produktiviti yang subur, menghasilkan pengetahuan baru merentasi sempadan, serta meningkatkan reputasi dan kegemilangan FPP dan UiTM di persada dunia. Perkara ini terbukti dengan pengiktirafan yang diterima FPP dan UiTM apabila tersenarai di dalam ranking universiti dunia seperti **QS World University Ranking dan QS University Ranking by Subject (Bukti 3.5.1e)**.

#### SENARAI BUKTI :

1. [F0023\\_T01\\_TB05\\_20241\\_Bukti\\_3.5.1a - Anugerah diterima FBM.pdf](#)
2. [F0023\\_T01\\_TB05\\_20242\\_Bukti\\_3.5.1b - Perolehan Geran Industri.pdf](#)
3. [F0023\\_T01\\_TB05\\_20243\\_Bukti\\_3.5.1c - Anugerah Lain diterima FBM.pdf](#)
4. [F0023\\_T01\\_TB05\\_20244\\_Bukti\\_3.5.1d - Inovasi Bermanfaat - Sistem FB MIS.pdf](#)
5. [F0023\\_T01\\_TB05\\_20245\\_Bukti\\_3.5.1e - QS World University Ranking dan QS University Ranking by Subject.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan bidang tumpuan **Pengurusan Kewangan FPP** adalah berdasarkan kepada **Pelan Tindakan Strategik FPP** dengan tema **Kelestarian Kewangan** berpandukan tiga (3) fokus utama iaitu **penjanaan pendapatan, penjimatan kos dan pendanaan program**. Pengukuran dan analisis data telah terbukti membantu Pengurusan FPP mencapai keputusan terbaik bagi menyokong matlamat universiti dan negara umumnya.

Fakulti telah menggunakan **Model PDCA** dalam proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan secara sistematik bagi menghasilkan maklumat yang tepat dan mantap untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

**Perancangan** bermula dengan menetapkan penunjuk ukuran prestasi (KPI) yang berasaskan Objektif Kualiti dan Perancangan Strategik yang ditetapkan. Penetapan KPI yang tepat adalah sangat bernilai dan penting bagi memastikan analisis yang terhasil menggambarkan prestasi sebenar pencapaian FPP. Oleh itu, FPP menggunakan pendekatan **Model Pengukuran 3P** diwujudkan bagi bidang **Akademik, Penyelidikan dan Inovasi serta Industri dan Komuniti** bagi memastikan FPP mencapai sasaran pengurusan kewangan yang ditetapkan.

**Pelaksanaan pengukuran dan analisis** melibatkan proses **pengumpulan data** mengikut tempoh tertentu dan **proses perbandingan** antara pencapaian sebenar berbanding sasaran. Pengumpulan data diperoleh secara semakan di dalam sistem dan secara manual untuk setiap jabatan, aduan dan maklum balas pelanggan, **penjanaan laporan** melalui sistem **FBMIS dan PRIME**, pemerhatian, maklum balas secara lisan, mesyuarat dan penemuan audit. Laporan yang dihasilkan daripada data yang dikumpulkan akan dibuat perbandingan dengan sasaran yang telah ditetapkan. Pengukuran atau penilaian prestasi di antara pencapaian sebenar berbanding sasaran merupakan proses analisis data yang dilaksanakan oleh jabatan yang ditetapkan.

**Pemantauan** dilaksanakan melalui mesyuarat yang dijalankan secara berkala dibawah **Jawatankuasa Unit Risiko**. **Analisis data dan risiko** dibentangkan dalam mesyuarat untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan. FPP mengenalpasti kelemahan sedia ada dan menambah baik proses/sistem mengikut keperluan. Hasil analisis data ini membantu Pengurusan FPP dalam membuat keputusan. **Mesyuarat-mesyuarat berkala** dilaksanakan oleh Pengurusan FPP bersinergi dengan setiap ketua dan ahli jawatankuasa yang dilantik bagi setiap jawatankuasa, berbincang, mengkaji hasil tindakan perancangan dan seterusnya menganalisa setiap isu bagi menambahbaik **pengurusan kewangan** FPP. Mesyuarat bagi hasil tindakan dianalisa utama dilakukan oleh **Ketua Unit Kualiti FPP (KUK FPP) dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**, bagi perbincangan, dan **tindakan penambahbaik** bagi menyusun strategi hala tuju FPP yang lebih progresif, inovatif dan kompetitif.

Secara keseluruhannya, berdasarkan **model pengukuran** yang diketengahkan di atas, **pemantauan terarah dan holistik** telah memberi data yang mencukupi bagi proses **penambahbaikkan sistem pengurusan kewangan dan penjanaan pendapatan FPP**. Hasil keberkesanan aliran pemantauan ini, terbukti FPP pernah dinobatkan sebagai pemenang **Anugerah Transformasi Kecemerlangan: Penjanaan Pendapatan 2023** dan tersenarai sebagai **Anugerah 6 Bintang PTJ Terbaik Universiti** di dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti**.

**Penambahbaikan** digunakan untuk tindakan pembetulan serta melalui inovasi. Pengurusan FPP telah melantik jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menggerak dan memantau pelaksanaan kajian semula proses kerja sedia ada, menyediakan keperluan pengguna,

membenarkan untuk kelulusan dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya sehingga inovasi tersebut direalisasikan. Hasil daripada pemantauan, analisis dan pengurusan pengetahuan melalui **proses pengukuran** yang dilaksanakan telah terbukti dengan pencapaian dan pengiktirafan yang diterima daripada pelbagai pihak. Demi memastikan **kelestarian kewangan**, pihak pengurusan FPP telah melantik satu **Jawatankuasa Pengurusan Risiko FPP**, yang bertujuan bagi mengukur, menganalisa dan mengurus pengurusan kewangan merangkumi penjanaan, penjimatan dan pendanaan kewangan.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan bidang tumpuan **Pengurusan Kewangan FPP** adalah berdasarkan kepada **Pelan Tindakan Strategik FPP** dengan **fokus Kelestarian Kewangan** berpandukan tiga (3) fokus utama iaitu **Penjanaaan Pendapatan, Penjimatan Perbelanjaan dan Pendanaan Program**. Fokus utama ini diselarikan dengan **tiga (3) Objektif** iaitu **menjana pendapatan (OS1)**, memastikan **penjimatan perbelanjaan operasi (OS2)** dan menerima **pendanaan (OS3)** bagi mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Kecemerlangan dalam pengurusan kewangan melalui penjanaaan pendapatan yang dicapai oleh FPP disumbangkan oleh sinergi **tiga bidang** utama iaitu **Akademik; Department of Postgraduate and Professional Students (DPPS)** dan **Institute of Continuing Education and Professional Studies (iCEPS)**, **Penyelidikan dan Inovasi (PI)** serta **Industri dan Komuniti**. Berdasarkan sinergi tiga bidang utama ini, FPP sentiasa memastikan pengukuran dan analisa yang tepat secara periodik dilaksanakan untuk mencapai status pengurusan kewangan yang mampan di samping analisis dan pengurusan pengetahuan untuk penambahbaikan setiap aktiviti. **Model Pengukuran 3P** iaitu **(i) Pengukuran Akademik, (ii) Pengukuran Penyelidikan dan Inovasi, (iii) Pengukuran Industri dan Komuniti (Bukti 4.2.1a)** diwujudkan berasaskan tiga (3) bidang utama di atas untuk mengukur **penjanaaan pendapatan, penjimatan perbelanjaan dan pendanaan program** fakulti bagi memastikan FPP mencapai sasaran pengurusan kewangan yang ditetapkan.

Fokus pertama Model Pengukuran 3P ialah bahagian **Akademik** fakulti yang meliputi pencapaian **DPPS** dan juga **iCEPS**. Penetapan objektif strategik fakulti bagi semua bahagian termasuk DPPS dan iCEPS merangkumi penetapan **penjanaaan pendapatan RM175,000 setahun** bagi tahun 2023. Pengukuran pencapaian pendapatan tersebut adalah melalui peratusan enrolmen pelajar daripada program akademik termasuk semua program, kursus dan seminar yang dijalankan oleh fakulti atau secara bersama. Lantaran itu, pihak pengurusan FPP telah memetakan **5 program utama penjanaaan pendapatan** untuk mengukur pencapaian objektif tersebut yang merangkumi **Program Interseksi (Sarjana Muda), Program Francais FPP-iCEPS, Program Pascasiswazah, International Summer Program dan Program Sijil Profesional (Bukti 4.2.1b)**.

Justeru itu, **penjimatan untuk bidang Akademik** boleh diterjemahkan apabila FPP menggunakan sistem yang telah dibangunkan seperti **FBMIS dan e-mesyurat** bagi mendapatkan data dan pemantauan dokumen untuk tujuan pelaporan dan audit.

Manakala, Model Pengukuran 3P bahagian **Penyelidikan & Inovasi** yang merangkumi pencapaian **persidangan, penerbitan, inovasi dalam penyelidikan** dan juga **aktiviti perundingan luar**. Justeru itu, pihak pengurusan FPP telah menetapkan **3 program utama penjanaaan pendapatan** untuk mengukur pencapaian objektif tersebut melalui pelaksanaan **Persidangan ABRIC, VIIIIC dan juga Perundingan (Bukti 4.2.1c)**.

Bagi memastikan penjanaaan pendapatan aktiviti Penyelidikan dan Inovasi dapat diuruskan dengan lebih berkesan, ukuran **penjimatan untuk bidang Penyelidikan & Inovasi** boleh diilustrasikan daripada penajaan daripada organisasi luar untuk program-program yang dianjurkan.

**Pendanaan Program Penyelidikan & Inovasi** diukur dalam bentuk pemberian dana dan insentif kepada staf bagi menggalakkan penerbitan dan persidangan yang selari dengan petunjuk prestasi fakulti. Pendanaan itu termasuklah pemberian **insentif penerbitan** bagi para pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel ke jurnal berindeks.

Seterusnya, Model Pengukuran 3P daripada **Industri dan Komuniti** mensasarkan **Program Bersama Industri dan Program Bersama Komuniti** untuk mengukur objektif fokus ketiga iaitu **Pendanaan (Bukti 4.2.1d)**. Program Industri dan Komuniti dinilai berasaskan **jumlah program** yang dianjurkan bersama industri dan komuniti serta **penglibatan staf dan pelajar** bagi menjayakan setiap program. Oleh itu, **penerimaan dana** daripada pihak dan organisasi luar

adaian pemangkin kejayaan model penjanaan Industri dan Komuniti.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Bukti 4.2.1a dan Bukti 4.2.1b.pdf](#)
2. [F0023\\_A01\\_AB02\\_20242\\_Bukti 4.2.1c dan Bukti 4.2.1d.pdf](#)

#### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara umumnya, FPP sangat menekankan pencapaian **Objektif Strategik** FPP melalui bagi menzahirkan pengurusan FPP dan semua staf adalah sangat cekap dalam menjalankan amanah yang diberikan. Oleh yang demikian, pelaksanaan instrumen pengukuran yang tepat melalui kaedah pengukuran yang teratur menghasilkan analisa yang sangat padu dan mantap.

Merujuk kepada Model Pengukuran 3P bidang pertama **Akademik**, pengukuran penjaan pendapatan adalah diukur daripada lima (5) program utama iaitu **Program Intersesi (Sarjana Muda)**, **Program Francais FPP-iCEPS**, **Program Pascasiswazah**, **International Summer Program** dan **Program Sijil Profesional (Bukti 4.3.1a)**.

**Program Intersesi** diwujudkan pada tahun 2003 bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar Sarjana Muda dan Diploma yang keciciran dan memastikan pelajar-pelajar akan bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, **Pengukuran Penjaan Pendapatan** bagi program ini berasaskan **Jumlah Kursus**, **Jumlah Pelajar** dan **Jumlah Pensyarah**. Pada tahun 2022, sebanyak lima (5) kursus ditawarkan untuk program intersesi kepada 281 orang pelajar serta sembilan (9) orang pensyarah. Peningkatan kepada sembilan (9) kursus, 494 pelajar dan lima belas (15) pensyarah pada tahun 2023 membolehkan **lonjakan pendapatan** sebanyak tujuh puluh enam peratus (**76%**) berbanding 2022.

Manakala, **Program Francais FPP-iCEPS** adalah kerjasama antara FPP dan iCEPS sejajar dengan misi UiTM untuk mendukung aspirasi negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. Justeru, kejayaan program ini adalah **diukur** mengikut **Jumlah Program** dan **Jumlah Pelajar**. Begitu juga pengukuran yang dibuat kepada **Program Pascasiswazah** yang dinilai mengikut **Jumlah Program**, **Jumlah Pensyarah** dan **Jumlah Pelajar**.

Seterusnya, **International Summer Program** dinilai berdasarkan **Jumlah Program**, **Jumlah Rakan Universiti** dan **Jumlah Peserta**. Begitu juga pencapaian **Program Sijil Profesional** yang dinilai berpandukan kepada **Jumlah Kursus**, **Jumlah Pelajar** dan **Jumlah Penaja (Bukti 4.3.1b)**.

Manakala, **Pengukuran Penjimatan** adalah berdasarkan kepada **kos sebelum dan selepas** penggunaan sistem dibuat. Penggunaan sistem dapat mengurangkan kos-kos berkaitan seperti pengurangan kos percetakan bahan dan pengurangan penggunaan sumber manusia. Contoh **pengukuran penjimatan** tahun 2023 adalah seperti yang dilampirkan (**Bukti 4.3.1c**).

Model Pengukuran 3P bidang kedua **Penyelidikan dan Inovasi**, **Pengukuran Penjaan Pendapatan** adalah diukur daripada tiga (3) program utama iaitu **ABRIC**, **VIIIC** dan **Perundingan (Bukti 4.3.1a)**. Secara khususnya, bidang ini mempunyai instrumen pengukuran yang berbeza berdasarkan pencapaian aktiviti **ABRIC**, **VIIIC** dan **Perundingan**. Melalui pengukuran pencapaian ABRIC, data-data berkaitan **Jumlah Pembentangan** dan **Jumlah Penerbitan Berindeks** adalah penting. Sementara itu, penilaian yang dibuat untuk **VIIIC** adalah berpandukan **Jumlah Projek** dan **Jumlah Peserta**. Manakala **Perundingan** dinilai mengikut **Jumlah Perundingan** dan **Jumlah Bayaran (Bukti 4.3.1d)**.

**Penjimatan untuk Penyelidikan dan Inovasi** adalah diukur berasaskan **jumlah penajaan** yang diperolehi untuk program yang dianjurkan. Begitu juga dengan aktiviti **Pendanaan** yang diukur berpandukan kepada jumlah insentif yang diberikan kepada para pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel ke jurnal berindeks.

Model Pengukuran 3P terakhir adalah daripada **Industri dan Komuniti**, yang berasaskan **Pendanaan** bagi **Program Bersama Industri** dan **Program Bersama Komuniti (Bukti 4.3.1a)**. Fokus Utama **Pendanaan Program** dan **OS3** melibatkan pemberian dana dan insentif kepada staf, pelajar, komuniti dan industri. **Pendanaan diukur** berpandukan kepada jumlah projek, jumlah organisasi yang terlibat serta jumlah staf dan pelajar yang menjayakan program tersebut (**Bukti 4.3.1e**).

Justeru, FPP memastikan **pengukuran dan analisa data secara laporan, simulasi data** dilaksanakan secara **kerap dan berkala** bagi memacu pencapaian objektif yang ditetapkan (**Bukti 4.3.1f**).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_A01\\_AB03\\_20241\\_Bukti 4.3.1a.pdf](#)
2. [F0023\\_A01\\_AB03\\_20242\\_Bukti 4.3.1b.pdf](#)
3. [F0023\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Bukti 4.3.1c.pdf](#)
4. [F0023\\_A01\\_AB03\\_20244\\_Bukti 4.3.1d dan Bukti 4.3.1e.pdf](#)
5. [F0023\\_A01\\_AB03\\_20245\\_Bukti 4.3.1f.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Oleh itu, berdasarkan tiga model utama yang dinyatakan di atas, hasil penganalisaan data digunakan untuk tujuan pemantauan. Seterusnya, daripada situ, penambahbaikan dilaksanakan melalui perkongsian maklumat yang diperolehi demi memacu kemantapan pengurusan FPP. Secara amnya, pemantauan dilaksanakan berdasarkan **Pelan Strategik UiTM2025** yang diadaptasi di dalam pengurusan FPP, dipacu melalui sinergi **Model Pengukuran 3P** iaitu (i) Pengukuran Akademik, (ii) Pengukuran Penyelidikan & Inovasi dan (iii) Pengukuran Industri & Komuniti. Yang pasti, pemantauan ini dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan.

Proses pemantauan dimulakan melalui hasil pengukuran menggunakan instrumen-instrumen yang telah dikenalpasti, dan melalui analisa data-data, maklumat analisa dibincangkan dan dibentangkan melalui mesyuarat (**Bukti 4.4.1a**) dan pelaporan-pelaporan di setiap peringkat PTJ terlibat (**Bukti 4.4.1b**).

**Pemantauan berkala** turut sama dilakukan oleh **Unit Kualiti** dan **Unit Perancangan Strategik Fakulti**. **Laporan pencapaian objektif kualiti, dapatan audit luar dan status pencapaian sasaran** Unit Transformasi adalah laporan utama yang bersifat holistik dalam memahami dan mendalami pencapaian terkini FPP. Pelaporan-pelaporan ini telah dibentangkan dan disahkan oleh Timbalan Dekan dan Timbalan Pendaftar FPP.

Kemudian, satu **mesyuarat Pemantauan dan Kaji Semula Pencapaian (MKSP)** dibentuk dan dibentangkan. Di dalam MKSP, bagi mengenalpasti punca di sebalik kejayaan atau kegagalan prestasi seperti pelaksanaan strategi baru atau penambahbaikan dalam perkhidmatan pelanggan. Seterusnya, **Bengkel Perancangan Strategik** dilaksanakan untuk perancangan **penambahbaikan dan cadangan solusi** bagi meningkatkan pengurusan FPP, khususnya. (**Bukti 4.4.1c dan 4.4.1d**).

Secara keseluruhannya, berdasarkan model pengukuran yang diketengahkan di atas, **pemantauan terarah dan holistik** telah memberi data yang mencukupi bagi proses penambahbaikan sistem pengurusan kewangan dan penjana pendapatan FPP. Hasil keberkesanan aliran pemantauan ini, terbukti FPP pernah dinobatkan sebagai pemenang **Anugerah Transformasi Kecemerlangan: Penjana Pendapatan 2023** dan tersenarai sebagai **Anugerah 6 Bintang PTJ Terbaik Universiti di dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti**. (**Bukti 4.4.1e**)

Ternyata, **keberkesanan pemantauan FPP pada tahun 2023 adalah berlandaskan tahap komitmen dan disipin yang tinggi dari pihak Pengurusan Kanan FPP**, ahli akademik dan pentadbir yang memacu kepada kesarjanaan perancangan strategik fakulti yang telah dirancang. Untuk menerangkan dengan lebih terperinci, sila rujuk **Bukti 4.4.1f** bagi menjelaskan instrumen ukuran tumpuan bagi setiap model pengukuran.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_Bukti 4.4.1a dan 4.4.1b.pdf](#)
2. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_Bukti 4.4.1c dan 4.4.1d.pdf](#)
3. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_Bukti 4.4.1e.pdf](#)
4. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20244\\_Bukti 4.4.1f.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam merealisasikan perancangan yang telah direncanakan, pihak pengurusan FPP sentiasa dalam keadaan siap siaga dalam meneliti setiap risiko yang berpotensi termasuklah **risiko pengukuran analisa** dan pengurusan pengetahuan pada setiap aras pengukuran, analisa dan pengurusan kewangan FPP.

**Risiko perlu dikenal pasti, dinilai, diurus serta ditangani dari pelbagai sudut dan aspek.** Sekiranya gagal, pastinya ia menjejaskan fokus terhadap pencapaian KPI UiTM dan KPI Fakulti ke arah kecemerlangan pengurusan kelestarian kewangan FPP.

Oleh itu, pihak pengurusan FPP telah melantik satu **Jawatankuasa Pengurusan Risiko FPP**, yang bertujuan bagi mengukur, menganalisa dan mengurus pengurusan kewangan merangkumi penjanaaan, penjimatan dan pendanaan kewangan. Unit ini telah menghimpun semua data daripada setiap jabatan di FPP bagi mengenalpasti kemungkinan risiko. Mereka juga telah mengenal pasti kesesuaian data yang dilaporkan dan menganalisis data tersebut bagi mengelakkan risiko data yang tidak tepat.

Secara keseluruhan, beberapa risiko telah di kenalpasti melalui penganalisaan **Jawatankuasa Pengurusan Risiko FPP**. Secara amnya, antara **risiko yang terlibat adalah** seperti:

1. **Instrumen pelaporan** pencapaian sedia ada tidak diguna pakai secara menyeluruh,
2. **Data** yang tidak dikemaskini,
3. **Keselamatan** dan kerahsiaan data,
4. **Laporan pencapaian** tidak dihantar atau dihantar lewat dan maklumat yang dihantar tidak relevan atau tidak lengkap,
5. **Kapasiti penyimpanan dokumen** yang terhad dan keciciran data

Manakala, secara khususnya pula, beberapa risiko turut dikenalpasti bagi setiap penjanaaan, penjimatan dan pendanaan kewangan bagi melancarkan perancangan yang telah dibuat. Oleh itu, **pelbagai inovasi dalam penambahbaikan** telah dijalankan bagi meningkatkan pengurusan kewangan FPP. **Bukti 4.4.2a** melaporkan jenis-jenis risiko dan perancangan yang digunapakai untuk mengatasi risiko tersebut.

Oleh yang demikian, beberapa tindakan penambahbaikan turut diambil bagi penggunaan instrumen seperti laporan dalam talian. Selain dari itu, **pemakluman dan peringatan melalui laman web, e-mel serta aplikasi Whatsapp** merupakan antara tindakan yang diambil bagi menyebar luas instrumen-instrumen kepada pengguna. Penggunaan ID log masuk dan kata laluan oleh pengguna yang dibenarkan sahaja ditekankan untuk mengurangkan risiko keselamatan dan kerahsiaan data. (**Bukti 4.4.2b**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Bukti 4.4.2a.pdf](#)
2. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_Bukti 4.4.2b.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPP menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan pengukuran melalui sistem supaya menjadi lebih efisien dalam melihat keberkesanan proses yang telah dilaksanakan. Instrumen pengukuran yang dicerap, dianalisa dan dilaporkan di dalam mesyuarat berkala FPP yang telah ditakwim pada setiap awal tahun. Mesyuarat-mesyuarat FPP adalah seperti di **Bukti 4.4.3a & 4.4.3b**.

Melalui mesyuarat-mesyuarat berkala ini, Pengurusan Kanan FPP bersinergi dengan setiap ketua dan ahli jawatankuasa yang dilantik bagi setiap jawatankuasa, berbincang, mengkaji hasil tindakan perancangan dan seterusnya menganalisa setiap isu bagi menambahbaik pengurusan kewangan FPP.

**Mesyuarat bagi hasil tindakan dianalisa utama dilakukan oleh Ketua Unit Kualiti FPP (KUK FPP) dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**, bagi perbincangan, dan tindakan penambahbaik bagi menyusun strategi hala tuju FPP yang lebih progresif, inovatif dan kompetitif.

Tindakan kaji semula dan penambahbaikan dilaksanakan menerusi pemerhatian yang mendalam bagi setiap unit di FPP iaitu di unit Akademik, Penyelidikan dan Inovasi dan Industri dan Komuniti. Bagi melestarikan objektif kewangan FPP, perincian terhadap tiga fokus utama ditekankan lagi melalui tiga objektif strategi utama FPP iaitu **penjanaan pendapatan, penjimatan kos operasi dan pendanaan program**. (**Bukti 4.4.3c**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_Bukti 4.4.2a.pdf](#)
2. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_Bukti 4.4.3b.pdf](#)
3. [F0023\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_Bukti 4.4.3c.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Merujuk kepada instrumen pengukuran yang dibentangkan di bahagian 4.1 dan 4.2, FPP mengambil berat setiap item yang dicadangkan untuk penambahbaikan secara berterusan dan penghasilan inovasi dalam **pengurusan pendapatan dalam melestarikan kewangan FPP**. Kaedah penyelesaian bagi setiap risiko yang dikenalpasti bersama dengan inovasi yang telah dibuat seperti penerangan dalam menunjukkan usaha FPP dalam melestarikan pencapaian FPP terutamanya dalam konsep pengurusan kewangan.

Bagi bidang **Akademik**, bagi menggalakan pertambahan enrolmen pelajar, pelbagai usaha dilakukan termasuk **promosi yang meluas** untuk memastikan pencapaian jumlah pelajar adalah selari dengan sasaran yang ditetapkan. Promosi ini termasuk penggunaan semua medium yang ada termasuk konteks dunia digital, merujuk kepada platform-platform dalam talian (online) yang membolehkan sasaran kepada pelanggan secara mudah dan pantas. Penggunaan media sosial seperti **Instagram dan facebook**, tidak juga ditinggalkan cara konvensional seperti **iklan radio** dan **promosi secara fizikal** kepada sasaran adalah sangat ketara dilaksanakan sekarang. Ini merupakan inisiatif untuk meningkatkan penjana fakulti dan **kelestarian kewangan** universiti umumnya (**Bukti 4.5.1a**).

Begitu juga dengan **Penyelidikan dan Inovasi** yang memfokuskan kepada **kemudahan proses penerbitan dan cara meningkatkan penerbitan** dalam menggalakan Jumlah Penerbitan dan Penglibatan dalam projek Inovasi untuk ABRIC dan VIIIIC. **Kolaborasi dengan universiti luar** dan pendedahan pengetahuan berkaitan penyelidikan dan inovasi juga dimudahcara melalui **sharing knowledge bersama pakar** melalui bengkel online (**Bukti 4.5.1b**).

Beberapa langkah bernas yang lain telah diambil seperti pelaksanaan konferensi yang lebih produktif, kepampanan sistem **FBMIS**, e-mesyuarat dan inovasi lain yang lebih berdaya saing. **Sistem FBMIS telah ditingkatkan secara berterusan** bagi membolehkan fakulti mendapat manfaat yang lebih terutama untuk kecekapan laporan dan juga penjimatan daripada sumber-sumber utama yang boleh menyumbang kepada **kelestarian kewangan FPP**. Ini telah dibuktikan dengan perolehan geran baru yang dimenangi oleh pensyarah-pensyarah terlibat dalam **Penambahbaikan Sistem FBMIS** sedia ada (**Bukti 4.5.1c**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_A01\\_AB05\\_20241\\_Bukti 4.5.1a.pdf](#)
2. [F0023\\_A01\\_AB05\\_20242\\_Bukti 4.5.1b.pdf](#)
3. [F0023\\_A01\\_AB05\\_20243\\_Bukti 4.5.1c.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kecemerlangan sumber manusia di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) adalah berpandukan **Model Pengurusan dan Pembangunan Strategik Sumber Manusia (GUEST)** yang merangkumi empat komponen: **HRM Strategy, HRM Practices, Performance Outcomes, Financial Outcomes**. Kaedah **Plan, Do, Check, dan Act** menjadi ukuran utama dalam menyusun strategi dan pengurusan sumber manusia agar kepakaran warga di FPP dapat dioptimumkan bagi mencapai matlamat fakulti khususnya tiga fokus utama **Kelestarian Kewangan: Penjana Pendapatan, Penjimatan dan Pendanaan**.

**Perancangan** – Kepimpinan yang berkaliber dan berwawasan tinggi menjadi tunggak FPP untuk merangka inisiatif dan menggerakkan sumber manusia untuk mempelbagaikan usaha bagi menjana pendapatan, membudayakan perbelanjaan berhemah dan meningkatkan pencapaian warga dan sumber kewangan fakulti. Perancangan pihak pengurusan yang diketuai Dekan dalam pengurusan pembangunan sumber manusia FPP merangkumi perancangan awal dengan mengenalpasti kapakaran dan kebolehan staf mengikut bidang, merangka pelan pembangunan kerjaya, serta perlaksanaan analisa **SWOT**. Strategik ini telah terbukti dengan tahap penglibatan tinggi oleh warga dalam setiap **FBM Strategic Action Plan**.

**Pelaksanaan** – FPP bertindak bijak dengan menitikberatkan **Engagement** seluruh warga FPP yang merangkumi 297 staf akademik dan 40 staf pentadbiran dan sokongan bagi memastikan sasaran yang dirangka tercapai. Strategik ini terbukti dengan pencapaian PI yang sangat baik khususnya dalam mentadbir urus kewangan telah membuahkan hasil dengan 90% pencapaian keseluruhan. Kepakaran dan kompetensi setiap warga FPP di rangka sewajarnya dan sangat proaktif dalam memberikan peluang pembangunan kerjaya seperti menggalakan penubuhan kumpulan RG dan RIG, memperkasakan pengkongsian kepakaran di peringkat nasional dan antarabangsa, jalinan kerja yang baik dengan industri dan universiti luar negara ditemerai dengan penjanjian MoU/MoA. Kepakaran FPP juga terbukti dengan penglibatan besar staf akademik dalam kolaborasi dan penawaran program di ICEPS. Bagi mendokong penjimatan kos, masa dan sumber manusia, pembangunan sistem **FBMIS** berjaya memantapkan operasi pengurusan yang efektif serta merangkul anugerah di Kecemerlangan Operasi saban tahun. FPP percaya **communication** yang efektif amat penting dalam memastikan warga FPP maklum pada setiap perkara. Pengkongsian pencapaian fakulti juga sentiasa dipaparkan di media social FPP.

**Pemantauan** - Untuk menjayakan fokus utama kelestarian kewangan, model **GUEST** dipantau sejajar dengan **FBM Strategic Action Plan** agar kepakaran warga dioptimumkan. Kaedah pemantauan dan semakan pencapaian yang komprehensif dilaksanakan melalui mesyuarat utama seperti JKEF, JAF dan mesyuarat berkala mengikut unit. Proses pemantauan juga dilaksanakan melalui proses **Audit Dalam FPP** yang diadakan pada setiap tahun.

**Penambahbaikan – Jawatankuasa Risiko FPP** memainkan peranan penting dalam mengenal pasti tindakan dan penambahbaikan proses pengurusan FPP. Mesyuarat pemantauan diadakan secara berkala bagi mengawal selia risiko, mengemaskini tindakan yang diambil serta penambahbaikan. Selain itu, pengendalian **Audit Susulan FPP** dan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan** memberi signifikan impak dalam menambahbaik dan mempertingkatkan pengoperasian dan pengurusan FPP.

Umumnya, kaedah yang digunapakai bagi pengurusan sumber manusia dalam menjayakan 3 fokus utama kelestarian kewangan ini adalah tertakluk kepada kekuatan dan kapasiti sumber manusia di FPP. Oleh itu, pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan bagi mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di kalangan kepimpinan tertinggi, pensyarah dan staf pentadbiran. Penghargaan dan pengiktiran kepada warga direalisasikan pada **Majlis Apresiasi "Jewel in the Crown"** dan pelbagai program riadah. Penglibatan meyeluruh daripada semua warga FPP amat signifikan dalam meningkatkan pencapaian fakulti agar kekal

cemerlang.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**Model Pengurusan dan Pembangunan Strategik Sumber Manusia FPP** berpaksi kepada empat komponen utama iaitu **HRM Strategy, HRM Practices, Performance Outcomes, Financial Outcomes** (Bukti 5.2.1a) yang sangat komprehensif dalam memperkasakan pengurusan sumber fakulti dalam mendokong **Kelestarian Kewangan, Penjimatan, Penjanaaan dan Pendanaan** seperti mana yang digariskan dalam Pelan Strategik UiTM 2025, Objektif Kualiti FPP, dan Garis Panduan Strategi Bajet UiTM - Jana & Jimat (Bukti 5.2.1b)

**Komponen 1: HRM Strategy** – Hala tuju FPP berdasarkan *Strategic Action Plan FBM* dimana penglibatan secara menyeluruh daripada warga FPP dalam pembentukan struktur operasi, objektif, serta skop kerja. Pengurusan pembangunan sumber manusia FPP **inclusivity** perancangan awal dengan mengenalpasti kapakaran dan kebolehan staf mengikut bidang, merangka pelan pembangunan kerjaya, dan mengenalpasti pelan penggantian mengikut keperluan masa hadapan (Bukti 5.2.1c). FPP menjalankan perancangan tahunan bersifat **SWOT analysis** (Bukti 5.2.1d) bagi **penambahbaikan dalam perancangan**.

**Komponen 2: HRM Practices** – Pemilihan dan penglibatan staf akademik serta staf pentadbiran yang berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam mendukung 3 teras fakulti berpandukan *mixed-collaboration* mengikut tahap kelayakan dan kepakaran staf (Bukti 5.2.2a). Keupayaan staf FPP ditingkatkan secara berterusan melalui **program latihan dan pembangunan staf sama ada secara dalaman atau mengikuti latihan di organisasi luar/ILD dan peningkatan tahap kelayakan** (Bukti 5.2.2b). Nyata terlihat **empowerment** diberikan kepada staf FPP untuk terus maju.

FPP menekankan **integrity** dalam proses penilaian agar kekal telus dan adil. Amalan **open communication** di dalam pengurusan sumber manusia FPP ini dapat memberi motivasi yang tinggi kepada staf untuk meningkatkan kompetensi dan prestasi kerja yang cemerlang.

**Komponen 3: Performance Outcomes** – Hasil Pencapaian FPP terbukti melalui peningkatan pencapaian **performance indicator** bagi setiap tahun. FPP berjaya menunjukkan peningkatan jumlah penerbitan dan pengkomersilan, keterlibatan dalam aktiviti jaringan industri dan komuniti (Bukti 5.2.3a), serta jumlah penglibatan kepakaran dengan kerjasama penawaran program di **ICEPS** (Bukti 5.2.3b). Penglibatan staf akademik dan staf pentadbiran dalam pengurusan yang efisien dan berkualiti terbukti dengan tahap penglibatan di dalam **KIK dan OE** yang kian cemerlang (Bukti 5.2.3c).

Impak yang signifikan dari pendekatan ini melahirkan staf yang berkualiti dan bertaraf global sebagai penceramah jemputan, penyelidik, penasihat dan perunding. Selain itu, sejumlah 40 (13.5%) staf akademik memegang jawatan di unit luar fakulti dan ini jelas membuktikan kepakaran pensyarah FPP diiktiraf.

**Komponen 4: Financial Outcomes** - Keberkesanan pengurusan kewangan FPP ditafsirkan dalam bentuk keuntungan dan pulangan pelaburan. Penubuhan kumpulan KIK dan OE dengan penglibatan staf akademik dan pentadbiran bukan sahaja dapat mengurangkan sumber tenaga malahan menjana penjimatan kos dan juga masa (Bukti 5.2.4a). Matlamat FPP dalam memperkasakan P&I juga terbukti dengan pencapaian sasaran jumlah geran dan konsultasi jaringan industri (Bukti 5.2.4b) dan juga keberhasilan daripada pengurusan akademik yang holistik. Impak yang signifikan terhasil dimana FPP berjaya **menjana pendapatan** dengan keberhasilan daripada P&P, P&I, komuniti dan industri.

**Majlis Apresiasi “Jewel in the Crown”** diadakan setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada usaha keras staf FPP dalam bidang P&P, P&I, ICAN, kualiti dan pentadbiran (Bukti 5.2.5a) **Penghargaan dan pengiktirafan** juga diekspresikan melalui pemberian insentif penerbitan, geran dalaman dan sebagainya. Pelbagai program ilmiah juga diadakan dianjurkan menggunakan **Tabung Wang Amanah** bagi mengeratkan ukhuwah dikalangan warga FPP (Bukti 5.2.5b).

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_S01\\_SB02\\_20241\\_Bukti 5.2.1 a,b,c,d.pdf](#)
2. [F0023\\_S01\\_SB02\\_20242\\_Bukti 5.2.2a, b, c.pdf](#)
3. [F0023\\_S01\\_SB02\\_20243\\_Bukti 5.3.3a, b, c.pdf](#)
4. [F0023\\_S01\\_SB02\\_20244\\_Bukti 5.3.4a, b, c.pdf](#)
5. [F0023\\_S01\\_SB02\\_20245\\_Bukti 5.2.5a, b.pdf](#)



### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berdasarkan **Perancangan Strategik**, tumpuan diberikan untuk **Penjanaan, Penjimatan dan Pendanaan Kewangan**. Kebijaksanaan perancangan FPP terserlah dimana **penjanaan kewangan** adalah tumpuan yang **dititikberatkan oleh FPP**. Penglibatan semua warga FPP melalui HEA, P&I, ICAN, HEP dan Pentadbiran telah berjaya melangkaui sasaran untuk **PI129: Penjanaan Pendapatan bagi tahun 2022: RM738,930 (Sasaran: RM170,000); dan 2023: RM1,269,852 (Sasaran: RM175,000.00)** (Bukti 5.3a).

Kaedah perluasan pengendalian kewangan FPP adalah melalui kepatuhan dan penerapan sistem pengurusan kewangan yang digunakan di UiTM. **FPP mematuhi** penggunaan prinsip-prinsip utama pengurusan kewangan yang titikberatkan oleh Bendahari UiTM yang berteraskan **legality, akauntability dan integrity**. Kerangka Pengurusan Kewangan untuk FPP menerapkan akta dan undang-undang negara, tatacara pengurusan kewangan dan, pekeliling dan garis panduan di UiTM. Kawalan rapi dipraktikkan melalui penghayatan sikap pengurusan wang secara berhemah. Dengan menerapkan prinsip pengurusan kewangan ini dan **pelaksanaan sistem kewangan yang dikawal dengan baik** untuk **kemampuan kewangan**, sasaran yang ditetapkan didalam **Strategic Action Plan FPP** dapat dicapai (Bukti 5.3b).

Beberapa pendekatan telah dipraktikkan apabila FPP berusaha menuju untuk ke arah pencapai matlamat PI129. Tiga pendekatan utama ini termasuk, 1) Penjanaan dan penjimatan - inovasi menghasilkan penjimatan kos, 2) Penjanaan dan penjimatan - penjanaan kewangan yang padu dan, 3) Pendanaan - pelaburan semula dana ke dalam aktiviti FPP.

**Penjanaan dan penjimatan kewangan FPP dicapai melau aktiviti inovasi dengan objektif penjimatan kos**. Pengurusan kewangan secara berhemah terlihat melalui penerapan **Pekeliling Naib Canselor untuk Garis Panduan Strategi Bajet 2023** untuk **2J iaitu Jana & Jimat**. Setiap perancangan program dan aktiviti yang dibuat dengan ketelitian yang diberikan kepada *bottomline*. Hasil daripada ini, tumpuan kepada kecemerlangan operasi menampakkan **penjimatan sebanyak RM70,383**. Inovasi dari segi operasi tercetus hasil daripada **empowerment** staf FPP untuk mengemukakan **solusi kewangan, masa dan sumber manusia**. Dedikasi staf membawa kejayaan kepada FPP, dimana FPP meraih **Johan dan Finalis Operational Excellence** berulang diperingkat UiTM untuk 2021, 2022 dan 2023. Ini menunjukkan FPP berjaya di peringkat UiTM dalam usaha-usaha megemukan inovasi untuk kecermelangan operasi dan seterusnya penjimatan kewangan (Bukti 5.3c).

Seterusnya, **prinsip penjanaan dan penjimatan dipraktikkan untuk penjanaan kewangan padu**. Sehati sejiwa, FPP bersatu kearah pencapaian matlamat kewangan secara *inclusive* untuk merealisasikan matlamat ini. Inisiatif penjanaan kewangan dilakukan melalui aktiviti strategik seperti Program Intersesi (Sarjana Muda), Program Francais FPP-ICEPS, Program Kerja Kursus Pascasiswazah, International Summer Program, Program Sijil Profesional, Konferansi ABRIC, VIIIC, NPRC, aktiviti perundingan dan program alumni prihatan. **Income Generation Per Capita** berjumlah **RM3,757 telah dijanakan oleh warga FPP**. Tambahan pula, penjanaan kewangan melangkaui sasaran FPP sebanyak 725% dan menunjukkan tren meningkat untuk 2021, 2022 dan 2023 (Bukti 5.3d).

**Pendanaan** pula dijalankan sebagai pelaburan semula kepada komuniti berkepentingan FPP iaitu pelajar dan staf FPP. Anatara usaha utama yang dijalankan adalah penggunaan wang yang dijanakan oleh FPP untuk dana mobiliti staf dan pelajar, insentif penyelidikan dan penerbitan, dan, program pembangunan staf dan pelajar (Bukti 5.3e).

**Maka, penjanaan, penjimatan dan pendanaan dapat menghasilkan circular income generation dan kemampuan kewangan**. Tambahan pula, PI tercapai terserlah dengan **pencapaian keseluruhan di tahap 90%** dan **FPP meraih 9 anugerah diperingkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa**. Ini menunjukkan kebolehan FPP untuk mentadbir urus kewangan dengan bijak dan efektif (Bukti 5.3e).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_S01\\_SB03\\_20241\\_Bukti 5.3a .pdf](#)
2. [F0023\\_S01\\_SB03\\_20242\\_Bukti 5.3b.pdf](#)
3. [F0023\\_S01\\_SB03\\_20243\\_Bukti 5.3c.pdf](#)
4. [F0023\\_S01\\_SB03\\_20244\\_Bukti 5.3d .pdf](#)
5. [F0023\\_S01\\_SB03\\_20245\\_Bukti 5.3e.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan sumber manusia adalah perlu untuk memastikan pengoperasian FPP berjalan lancar dan efisien. Semua aktiviti pengendalian program yang melibatkan sumber manusia dan dana kewangan FPP dipantau secara berkala mengikut tiga pendekatan utama iaitu; **1) Pemantauan tumpuan strategik, 2) Penyuaran suara staf akademik semasa Mesyuarat Akademik dan 3) Sistem pengendalian aduan.**

**Pendekatan tumpuan strategik adalah mengikut tumpuan berikut:** 1) Pengajaran & Pembelajaran, 2) Hal Ehwal Pelajar, 3) Penyelidikan, 4) ICAN, 5) Keusahawanan (*Entrepreneurship*), 6) Penjanaaan Kewangan (*Income generation*) dan 7) Pentadbiran (*Administration*). Pemantauan berkala ini berdasarkan prinsip *engagement* dan *risk management* dimana, ketua-ketua pusat di digalakkan dan *empowered* untuk menyuarakan sebarang isu mengenai kekangan yang dihadapi oleh staf pentadbiran baikpun staf akademik, dan pelajar. Pihak pengurusan atasan memantau kemajuan setiap aktiviti yang menyumbang kepada pengoperasi fakulti dan tahap pencapaian PI dengan cermat (Bukti 5.4.1a).

Setersunya, staf juga digalakkan untuk **menyuarakan suara semasa Mesyuarat Akademik**. Pengemukakan kebimbangan staf melalui aplikasi PigeonHole secara *anonymous* dijalankan untuk menggalakkan isu diketengahkan tanpa prejudis ataupun halangan. Pendekatan ini diharapkan dapat meningkatkan keterbukaan *communication* daripada staf. Tindakan yang diambil kemudiannya dilaporkan didalam Mesyuarat Akademik akan datang. Inisiatif ini dapat dapat mengukuhkan mesej bahawa pihak pengurusan berminat dan melabur dalam kesejahteraan kakitangan. (Bukti 5.4.1b)

**Sistem pengendalian aduan** juga dikendalikan oleh bahagian Komunikasi Korporat dimana aduan yang diterima adalah pada **ratio yang amatlah rendah (kurang daripada 0.14%)** (Bukti 5.4.1c) berbanding dengan bilangan pelajar dan staf yang ada di FPP mencerminkan betapa baiknya pengurusan fakulti dan perkhidmatan yang diberikan oleh staf FPP.

Hasil daripada pemantauan dan kesediaan pihak pengurusan untuk berdialog dan mendengar pendapat staf, dapat terlihat staf FPP terjaga. Tahap pencapaian **PROPENS pada skor min 89.6%** memberikan petunjuk staf dapat memainkan peranan pengajaran mereka dengan baik. Tambahan pula, **skor min SUFO pada 92.5% menunjukkan para pelajar juga berpuas hati** dengan pengajaran yang diberikan (Bukti 5.4.1d).

Kepuasan hati staf juga dapat dicerminkan melalui prestasi kerja staf dimana **Happiness Index memberikan indikasi tahap kepuasan hati staf** dimana prestasi FPP berada pada tahap **Sederhana Gembira**. Tambahan pula **skor keseluruhan untuk Keterlibatan (Proses Pentadbiran dan Kepuasan Kerja)** dan **skor untuk Kemudahan Infostruktur dan Infrastruktur** berada pada tahap yang merangsangkan iaitu **68.12%** (Bukti 5.4.1d).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_Bukti 5.4.1a.pdf](#)
2. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_Bukti 5.4.1b.pdf](#)
3. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20243\\_Bukti 5.4.1c.pdf](#)
4. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20244\\_Bukti 5.4.1d.pdf](#)
5. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20245\\_Bukti 5.4.1e.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pemantauan risiko adalah perlu agar masalah dan isu dapat ditangani dengan teliti, baik dan dalam masa yang singkat. Maka, *check and balance* institusikan di FPP untuk memastikan operasi berjalan lancar, efisien, serta matlamat tercapai. Pemantauan risiko di FPP dijalankan secara berkala sepanjang tahun. Empat pendekatan utama digunakan oleh FPP iaitu, **1) Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko, 2) Semakan tahunan di MyATP and HR2U, 3) Kategori 'High, Moderate and Low' dan 4) Audit dalaman.**

Risiko dikenali oleh pemilik risiko (ketua pusat pentadbiran /pusat tanggungjawab) dan diketengahkan di **Jawatankuasa Pemilik Risiko**. Isu-isu berkepentingan dibincangkan oleh pengurusan kanan FPP dan jalan penyelesaian diketengahkan. Isu sumber manusia staf akademik dan pentadbiran adalah tumpuan penting yang diketengahkan di dalam mesyuarat dan di daftarkan di dalam **sistem eRMS** (sistem khas untuk menjejaki risiko yang timbul) untuk agenda penambahbaikan. Dengan itu, kebarangkalian untuk isu risiko tercicir amatlah rendah dan inisiatif penambahbaikan dapat dijalankan secara berterusan (Bukti 5.4.2a).

Disamping itu, fakulti sentiasa memantau prestasi sumber manusia melalui **semakan tahunan MyATP and HR2U**, dimana semakan mengikut semester dan tahun dijalankan. Semakan tahap prestasi dan pencapaian secara berkala dan untuk jangka masa panjang dapat menjamin **kenaikan pangkat kakitangan** dan peningkatan prestasi sepanjang tempoh kerjaya mereka. Ini dapat mewujudkan sumber manusia yang sentiasa berusaha untuk terus maju. Ini juga membolehkan kakitangan merancang laluan kerjaya mereka dan memastikan laluan untuk kenaikan pangkat ditunjukkan dengan jelas.

Untuk **semakan prestasi tahunan**, fakulti menggunakan sistem **kategori 'high, moderate and low'**, di mana kakitangan dikenal pasti berdasarkan prestasi mereka. Sistem ini memastikan tiada kakitangan yang tercicir atau dinafikan peluang untuk **meningkatkan prestasi** mereka. Sememangnya dengan menggunakan sistem kategori, mereka yang berprestasi tinggi digalakkan untuk terus berkhidmat secara cemerlang manakala mereka yang tercicir akan diberi latihan. Selain daripada itu, fakulti terus **mengelolakan latihan dan bengkel** mengikut keperluan staf (Bukti 5.4.2b).

Pendekatan keempat adalah **audit dalaman** yang dijalankan mengikut standard pemarkahan yang ditetapkan bertumpukan bidang berkepentingan iaitu akademik, sumber manusia dan peningkatan kualiti berterusan dan kelestarian. Isu yang memerlukan perhatian pihak pengurusan diketengahkan dan dibincang untuk mencari jalan penyelesaian. Setelah strategi penambahbaikan dijalankan, **audit susulan** pula dijalankan. Dengan inisiatif ini, masalah dan proses yang kurang sempurna dapat diatasi (Bukti5.4.2c).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_Bukti 5.4.2a.pdf](#)
2. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_Bukti 5.4.2b.pdf](#)
3. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20243\\_Bukti 5.4.2c.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan sistem pengurusan sumber manusia FPP, **bengkel dan latihan dijalankan untuk memperkasakan staf akademik dan staf pentadbiran**. Walaupun bengkel dan latihan adalah aktiviti yang dijalankan setiap tahun - pilihan latihan adalah **bergantung kepada hala tuju strategik, keperluan kakitangan dan keperluan persekitaran**. Maka untuk tahun 2023, FPP telah menganjurkan sebanyak **117 bengkel dan latihan** (Bukti 5.4.3a) untuk **menyempurnakan keperluan staf, halatuju strategik dan pencapaian PI**. Bengkel dan latihan sedia ada untuk staf pentadbiran dan akademik mengikut keperluan. Pada 2023 juga, sebanyak **RM 61, 659.19** (Bukti 5.4.3b) digunakan untuk latihan untuk melengkapi staf dengan skil yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas mereka.

Kenaikan pangkat staf dianggap sebagai perkara penting terutamanya untuk menghasilkan lebih ramai Professor Madya dan Professor di fakulti ini. Oleh itu, untuk memastikan staf akademik sentiasa digalakkan untuk bergerak ke tahap yang lebih tinggi, program **mentor-mentee** telah diperkenalkan untuk membimbing staf mengenai selok-belok kenaikan pangkat (Bukti 5.4.3c).

Selain itu, penambahbaikan juga dilaksanakan untuk mewujudkan **tempat dan sistem persekitaran kerja yang kondusif untuk staf FPP**. **Inisiatif penambahbaikan dibahagikan kepada dua iaitu, sistem kerja yang kondusif dan, penambahbaikan persekitaran kerja - infrastruktur dan infostruktur**.

Untuk penambahbaikan proses kerja staf akademik mahupun staf pentadbiran, **audit susulan** dijalankan untuk memastikan isu yang dibangkitkan didalam audit dalaman dapat **ditangani dan diselesaikan**. Ini bagi memastikan tiada isu berulang dan buruk yang tidak dapat diselesaikan yang boleh menghalang pencapaian pelan strategik dan pencapaian PI (Bukti 5.4.3d).

Selain itu, **mesyuarat kaji semula pengurusan** dijalankan secara berkala untuk memantau pencapaian aktiviti-aktiviti FPP untuk setiap tumpuan strategik. Perbincangan yang mendalam diadakan agar masalah yang dihadapi dapat dibangkitkan dan diatasi (Bukti 5.4.3d).

Melalui inisiatif OE dan KIK FPP, sistem kerja sentiasa dinaikkan taraf dan diperbaiki tahun demi tahun. Proses kerja di FPP mempergunakan sepenuhnya sistem **FBMIS** sebagai platform atas talian untuk **proses yang efisien**. Setiap tahun projek-projek OE and KIK diberikan tumpuan untuk mengentenghakan inovasi yang boleh menjimatkan masa sumber manusia ataupun memudahkan proses berkerja.

Selain itu, perhatian juga diberikan kepada infrastruktur dan infostruktur FPP melalui perundingan dengan pihak UCS dan usaha menaikkan taraf fasiliti dan menyediakan kemudahan di FPP (Bukti 5.4.3e). FPP juga menyediakan fasiliti tambahan hasil rundingan staf dan pelajar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_Bukti 5.4.3a\\_\\_\\_\\_.pdf](#)
2. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_Bukti 5.4.3b\\_\\_\\_\\_.pdf](#)
3. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20243\\_Bukti5.4.3c\\_\\_\\_\\_.pdf](#)
4. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20244\\_Bukti 5.4.3d\\_\\_\\_\\_.pdf](#)
5. [F0023\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20245\\_Bukti 5.4.3e\\_\\_\\_\\_.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Di era dunia yang digital, warga FPP bergantung pada perisian dan portal dalam talian untuk mengakses pangkalan data dan fungsi-fungsi proses yang penting untuk menyelesaikan tugas harian. **Sistem FBMIS** adalah sistem dalam talian yang merangkumi sistem seperti **STIS, CFIS, RIIS, HRIS, ETIS, SAIS dan ETIS 2**.

Staf FPP bergantung berat kepada sistem ini untuk menyempurnakan tugas mereka dengan **efisien** menggunakan **proses kerja yang teratur**. Oleh itu, penambahbaikan sistem FBMIS diteruskan dengan pengenalan modul-modul **baru melalui inovasi OE dan KIK** yang dijalankan **setiap tahun**. Ini menunjukkan bahawa penambahbaikan sistem adalah perkara yang **dibudayakan** di FPP (Bukti 5.5a) untuk **penjanaan, penjimatan dan pendanaan kewangan**. Merekabentuk aliran kerja yang cekap adalah penting kerana ia **mempermudah proses, mengurangkan redundansi, dan mengoptimumkan penggunaan sumber**. Ini dapat menghasilkan penyelesaian tugas yang lebih cepat, produktiviti yang lebih tinggi, dan **menjimatkan wang**. Secara keseluruhan, keberkesanan organisasi dan kepuasan staf dapat ditingkatkan, selain memastikan **objektif PI tercapai secara berterusan**(Bukti5.5b).

Dengan pengenalan fungsi-fungsi baru berlandaskan sistem FBMIS, **penjimatan wang dan masa**, dan **pengurangan bilangan staf** yang terlibat di dalam proses-proses pengendalian tugas harian. Inisiatif sebegini dapat **mengurangkan beban kerja kakitangan** supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada perkara yang benar-benar berkepentingan. Selain itu, penggunaan sistem **FBMIS dapat menghasilkan proses yang berkesesuaian dengan keperluan staf** untuk melaksanakan tugas mereka (Bukti 5.5c). Ini menyumbang kepada persekitaran kerja yang lebih tangkas dan dapat berdaya saing.

Sistem FBMIS FPP seringkali meraih anugerah di peringkat UiTM. Untuk 2023, **FPP meraih anugerah OE sebagai finalis** ntuk sistem yang digunakan oleh staf akademik dan pentadbiran. Sementara itu, hasil inovasi **KIK** turut diberikan pengiktirafan di Konversyen KIK dan IIDEX 2023 (Bukti 5.5d). **Pengiktirafan-pengiktirafan ini mencerminkan prestasi inovasi yang baik** daripada staf FPP. Ia menunjukkan bahawa usaha penambahbaikan dicadangkan oleh staf sendiri, dan dapat memperkukuhkan tingkah laku positif dan menggalakkan kecemerlangan serta komitmen untuk memberi fokuus kepada **program penjanaan kewangan**.

**Sistem FBMIS juga memberi manfaat kepada pelajar** dengan menyediakan akses mudah kepada bahan kursus, gred, jadual dan aktiviti ko-kurikulum. Hasil **penjanaan dan penjimatan** disalurkan kembali (**pendanaan**) kepada kesejahteraan pelajar FPP. Ini sekali gus meningkatkan kepuasan hati pelanggan, kecekapan organisasi dan pengendalian semester akademik.

Efisiensi jadi kunci,  
Kerja cepat tanpa henti,  
Waktu terjaga, hasil berseri,  
Hidup teratur, penuh dedikasi.

Sistem *online* memudahkan kita,  
Belanja berhemat, tak perlu ke mana.  
Klik di FBMIS, semuanya di tangan,  
Hemat waktu, hidup cerah dan senang.

Pendaftaran mudah, cepat dan praktis,  
Semua data tersimpan, aman dan teratur.  
Di dunia maya, beragam pilihan,  
Sistem *online*, solusi masa kini yang gemilang.

Rencana yang matang, langkah pasti,  
Mencapai tujuan, tanpa bertegang hati,

Sistem yang sudah kami rancang,  
Sudah termakbul, digunakan semua.

Bekerja cerdas, bukan sekadar ngeluh,  
Hasil maksima, rezeki pun melimpah,  
Sistem baru dalam hasilan,  
Inovasi terhasil, sistem untuk ke hadapan.

Inovasi mempercepatkan penjimatan,  
Memudahkan kerja, hasil menjulang,  
Inovasi dan penjimatan saling berkaitan,  
Kerja efisien hasilnya gemilang.

Staf yang cerdas, kerja penuh semangat,  
Penghargaan datang, rasa berkat,  
Kerja keras terbayar, senyum merekah,  
Bersama kita maju, cita-cita terarah.

Setiap langkah pasti, tak pernah henti,  
Kerja sama erat, hasil pun jadi,  
Pengiktirafan ini, tanda berterima kasih,  
Membangun fakulti hebat, itulah harapan

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_S01\\_SB05\\_20241\\_Bukti 5.5a .pdf](#)
2. [F0023\\_S01\\_SB05\\_20242\\_Bukti 5.5b .pdf](#)
3. [F0023\\_S01\\_SB05\\_20243\\_Bukti 5.5c .pdf](#)
4. [F0023\\_S01\\_SB05\\_20244\\_Bukti 5.5d .pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelbagai pendekatan yang diambil oleh FPP dalam memastikan **kelestarian kewangan fakulti** melalui **penjanaaan pendapatan, pengurusan penjimatan** kos operasi, **pengurusan dana**, pemantauan yang berkesan, serta pengurusan risiko yang berstruktur. Beberapa strategi pengoperasian telah dilaksanakan oleh FPP untuk mencapai matlamat tersebut termasuk kerjasama dengan industri, penggunaan sistem digital yang efisien, dan inisiatif penjanaaan pendapatan yang sistematik.

FPP telah berjaya merancang (**plan**) strategi dalam **penjanaaan pendapatan** melalui pelbagai inisiatif, seperti penawaran program akademik, penganjuran konferensi, dan pertandingan inovasi yang melibatkan kolaborasi industri. Sebagai contoh, FPP telah menawarkan program akademik bersama ICEPs yang merangkumi 15 program sarjana muda dan 4 program diploma. Selain itu, inisiatif seperti ABRIC, dan *Virtual Inovation & Invention of Ideas Competition (VIIC)* juga telah menyumbang kepada penjanaaan pendapatan melalui pelbagai strategi seperti model harga yang kompetitif dan peluang penerbitan dalam jurnal antarabangsa.

Penglibatan (**engagement**) dengan industri adalah kunci kejayaan FPP dalam mencapai **kestabilan kewangan**. FPP telah melibatkan hubungan strategik dengan industri seperti MBSB Bank, MDEC, Lazada, dan lain-lain, yang telah memberikan sokongan dana serta peluang kolaborasi dalam program-program seperti *My School: Our Future Generation (MyGEN)*. Program ini, misalnya, telah mendapat tajaan sebanyak RM143,469 daripada MBSB Bank. Pelaksanaan (**do**) program ini menunjukkan keupayaan FPP dalam **membentuk sinergi yang kukuh antara fakulti dan industri**. FPP juga menekankan kepentingan komunikasi (**communication**) yang jelas dalam hubungan dengan pihak industri terutama dalam **aspek pengurusan kewangan dan pendanaan** serta mengekalkan integriti (**integrity**) tinggi dalam setiap tindakan yang dilaksanakan.

Dalam aspek **pengurusan penjimatan kos**, FPP telah mengambil langkah-langkah seperti **pengurangan perbelanjaan alat kelengkapan pejabat melalui penggunaan sistem digital serta tajaan sijil profesional kepada pelajar tanpa kos tambahan**. Langkah-langkah ini bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi juga membantu meningkatkan daya saing pelajar dan staf FPP. Selain itu, FPP juga telah berjaya mengurangkan kos operasi melalui pelaksanaan sistem eMesyuarat dan FBMS, yang telah membantu meningkatkan kecekapan operasi fakulti.

Pengurusan risiko (**risk management**) merupakan elemen penting dalam memastikan operasi fakulti berjalan lancar dan berdaya tahan terhadap cabaran kewangan. FPP mengurus risiko melalui pendekatan yang berpandukan **Manual Pengurusan Risiko UiTM**, yang memastikan semua risiko berkaitan kewangan dan operasi dapat dikenal pasti dan diurus dengan berkesan. **Mesyuarat berkala** seperti MKSP dan JKEF telah dijadikan platform untuk membincangkan isu-isu risiko, dengan tujuan memastikan bahawa risiko tidak menjejaskan pencapaian objektif strategik fakulti.

Pemantauan (**check**) yang berterusan juga dilaksanakan melalui mesyuarat dan sistem FBMS, yang memastikan **kecekapan operasi** serta pematuhan terhadap objektif dan prosedur yang ditetapkan. Melalui pemantauan ini, FPP mampu memastikan bahawa sebarang isu yang timbul dapat ditangani dengan segera dan berkesan.

FPP sentiasa mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan (**Act**) dalam operasi mereka. Inisiatif ini telah membantu fakulti memperoleh pelbagai anugerah seperti **Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM** dan **Anugerah Penarafan Subjek Terbaik**. Secara keseluruhannya, strategi-strategi yang dilaksanakan oleh FPP bukan sahaja memastikan kestabilan kewangan fakulti, tetapi juga memberikan manfaat nyata kepada pemegang taruh seperti pelajar, staf akademik, dan industri. Dengan penuh iltizam, FPP sentiasa mengutamakan budaya kecemerlangan dan nilai-nilai murni, memastikan setiap langkah yang



dianjurkan beramal amir pada prinsip integriti, ~~kepercayaan~~, dan ~~keadilan~~ berterusan untuk menambah baik kualiti serta pencapaian fakulti.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPP komited untuk memperkukuh dan meningkatkan operasi dalam bidang-bidang tumpuan dengan menumpukan perhatian kepada **tiga objektif strategik**, iaitu **menjana pendapatan** melebihi sasaran PI129 yang telah ditetapkan oleh universiti, **menjimatkan perbelanjaan dan kos operasi** bagi aktiviti yang dijalankan di FPP, dan memastikan **kecekapan pengurusan pendanaan** untuk **mencapai output maksimum**.

### Operasi 1: Proses Penjanaan Pendapatan

**Penjanaan pendapatan** adalah inisiatif berterusan FPP untuk **melestarikan kewangan** fakulti tanpa bergantung sepenuhnya kepada peruntukan UiTM. Beberapa inisiatif strategik telah diambil untuk mencapai penjanaan pendapatan yang melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh universiti.

1. **Proses penjanaan pendapatan melalui penawaran program akademik** seperti **Program Interseksi (Sarjana Muda), Program Francais FPP-iCEPS, Program Pascasiswazah Kerja Kursus, International Summer Program, Program Sijil Profesional (CMI)** membantu menyediakan kebolehpasaran program yang tinggi. **(Bukti 6.2.1: Mesyuarat Akademik Bersama ICEPs)**
2. Penggunaan **“pricing model strategy”** dalam menetapkan **yuran penyertaan yang kompetitif, mendapatkan penajaan, kolaborasi bersama organisasi luar dan memberi peluang penerbitan di dalam jurnal berwasit kepada peserta dalam penganjuran konferensi dan inovasi yang memberi impak signifikan** seperti **ABRIC (Advances in Business Research International Conference); Virtual Inovation & Invention of Ideas Competition (VIIC)** untuk mengalakkan jumlah penyertaan terutama penyertaan daripada luar fakulti. **(Bukti 6.2.2).**
3. Meningkatkan **sinergi dinamik** bersama industri seperti **MBSB Bank, MDEC, Lazada dan lain-lain** dan alumni untuk mengurangkan keperluan untuk menggunakan tabung fakulti. **(Bukti 6.2.3: Senarai MoA dan MoU)**

### Operasi 2: Memastikan Penjimatan dan Perbelanjaan Operasi

1. **Pelaksanaan program yang berkolaborasi bersama industri** yang melibatkan staf dan pelajar untuk mengoptimumkan penggunaan sumber yang diterima daripada pihak industri.
2. **Pengurangan perbelanjaan sewa alat kelengkapan pejabat** dengan menggunakan sistem eMesyuarat dan FB MIS.
3. **Penggunaan sistem digital di dalam FB MIS platform** seperti *Course File Information System (CFIS)* dan *Student Activity Information System (SAIS)* telah terbukti mampu mengurangkan kos percetakan dan kos pengurusan manual. Dengan automasi ini, fakulti berjaya menjimatkan masa dalam proses pengurusan, mengurangkan kos berkaitan kertas dan percetakan, serta mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dalam pengurusan data dan dokumentasi **(Bukti 6.2.4)**

**Operasi 3: Sumber Pendanaan dimanfaatkan serta mencapai output maksimum kepada penerima taruh.**

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaklah kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."*

**(An-Nisa': 58)**

FPP sentiasa mengutamakan prinsip keadilan dalam semua urusan kewangan, khususnya dalam pengagihan dana yang diterima dan pengagihan sumber dilaksanakan dengan **telus dan saksama**. **Pengurusan operasi pendanaan yang saksama juga bagi memastikan** manfaatnya dapat dirasai oleh semua pemegang taruh serta meningkatkan kualiti dan keberkesanan operasi fakulti. **Pendekatan untuk mendapatkan dana dan sumbangan daripada industri adalah melalui:**

**1. Hubungan kerjasama bersama industri.** Di antara program yang mendapat **pendanaan daripada MBSB Bank**, seterusnya memberi impak positif dan selari dengan *Sustainability Development Goals (SDGs)* adalah ***My School: Our Future Generation (MyGEN)***. (Bukti 6.2.3: Senarai MoA DAN MoU FPP).

**2. FPP juga turut mengadakan *ICAN Week*** yang telah **berjaya mendapat dana daripada pihak industri MBSB Bank, Lazada, MDEC, INCEIF, CIMB Islamic Bank dan lain-lain.** (Bukti 6.2.5: Senarai Program Bersama Industri Semasa ICAN Week).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_O01\\_OB02\\_20241\\_BUKTI 6.2.1.pdf](#)
2. [F0023\\_O01\\_OB02\\_20242\\_BUKTI 6.2.2.pdf](#)
3. [F0023\\_O01\\_OB02\\_20243\\_BUKTI 6.2.3.pdf](#)
4. [F0023\\_O01\\_OB02\\_20244\\_6.2.4.pdf](#)
5. [F0023\\_O01\\_OB02\\_20245\\_BUKTI 6.2.5.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam menyokong pendekatan strategi, FPP telah memperluaskan pendekatan yang digariskan kepada 3 elemen penting:

#### Operasi 1: Perluasan Penjanaan Pendapatan

1. **Kerjasama bersama ICEPs** telah membawa kepada penawaran **14 program akademik sarjana muda dan 4 program diploma** yang berorientasikan kebolehpasaran industri. (Bukti 6.3.1: Senarai Program FPP ditawarkan ICEPs)

2. **Program intersesi - FPP** telah memberi peluang kepada pelajar sarjana muda untuk mengambil subjek elektif yang tiada peperiksaan akhir ketika cuti semester. (Bukti 6.3.2(a): Proses Penawaran Intersesi, Bukti 6.3.2 (b): Pemakluman Pembukaan Intersesi, Bukti 6.3.2(c): Tatacara Pendaftaran)

3. Unit penyelidikan RENOVA juga memainkan peranan penting dalam penjanaan pendapatan melalui penganjuran konferensi dan pertandingan inovasi. Antaranya, **The Advances in Business Research International Conference (ABRIC)** yang diadakan setiap tahun sejak **2020 hingga 2024**, dan **Virtual Innovation & Invention of Ideas Competition (VIIC)**. Antara strategi yang telah dikenalpasti adalah melalui **model harga (pricing model)**. Terdapat dua jenis model harga yang digunakan iaitu:

1. Kadar Biasa
2. Kadar Premium

4. **ABRIC** juga menjana pendapatan melalui tarikan peluang penerbitan '*special issue*' dalam jurnal **WoS, Scopus, ERA, dan MyCite**. (Bukti 6.3.3 (a): Poster ABRIC 2023, Bukti 6.3.3 (b): Poster VIIC 2023)

5. **VIIC** pula diperluaskan dengan kolaborasi dari universiti dalam dan luar negara seperti **Universitas Multimedia Nusantara dan Univeristas 17 Agustus 1945, Indonesia** beserta sokongan industri tempatan seperti **Yayasan Inovasi Malaysia**. (Bukti 6.3.3 (b): Poster VIIC)

#### Operasi 2: Perluasan penjimatan

1. **Penjimatan yang boleh di peroleh daripada kerjasama industri**. Contohnya, seramai 50 pelajar telah ditaja sepenuhnya untuk mendapatkan **sijil profesional ICDL** yang melayakkan mereka untuk mendapat sijil kemahiran digital. (Bukti 6.3.4 (a): Kolaborasi FPP dan ICDL)

2. Pelajar Sarjana Pengurusan Sumber Manusia yang mendaftar akan memperoleh **sijil profesional CMI Level 7 Certificate in Strategic Management and Leadership Practice** tanpa sebarang kos tambahan setelah bergraduasi selain mendapat sijil sarjana daripada **senat**. Bukti 6.3.4 (b): Proses Mendapatkan Permohonan Kerjasama Bersama CMI Institute).

3. **Sistem eMesyuarat dan Sistem FBMS** dibangunkan secara '*in-house*' bagi membantu mengurangkan kos percetakan dokumen dan meningkatkan kecekapan operasi dalam pengurusan sumber manusia. Contohnya, sistem FBM-HRIS mempercepatkan proses **merekodkan bengkel, kursus, konferensi, permohonan dan pendaftaran aktiviti FPP** dari 21 hari kepada hanya 5 hari, yang memberi penjimatan masa sebanyak 76.2%. Modul ini juga dapat mengurangkan penggunaan kakitangan yang diperlukan dari 5 orang kepada 4 orang. Sistem **FBM-SAIS** telah berjaya menjimatkan masa permohonan dan kelulusan aktiviti pelajar FPP daripada 16 hari kepada 7 hari, iaitu penjimatan sebanyak 56% dan pengurangan keperluan sumber manusia daripada 2 orang kepada seorang. (Bukti 6.3.4 (c): Sistem eMesyuarat dan FBMS).

#### Operasi 3: Perluasan Pendanaan

**Proses kerja yang sistematis** telah menghasilkan **kolaborasi strategik melalui kerjasama MoA dan MoU** bersama industri juga merupakan inisiatif dalam pendanaan untuk **mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan. (Bukti 6.3.5 (a): MoU MBSB bersama FPP).**

1.FPP **mendapat dana berjumlah RM143,469** daripada **MBSB Bank** bagi melaksanakan tiga program. Projek yang dikenali sebagai “**MyGEN**” telah melibatkan 6 buah sekolah angkat **MBSB Bank** dan 58 staf akademik dan pentadbiran FPP. **(Bukti 6.3.5 (b): MoU MBSB bersama FPP dan Poster Program MyGEN).**

2.FPP juga **mendapat dana daripada syarikat-syarikat berpengaruh** seperti Lazada, MBSB, MDEC, MPOC dan beberapa agensi lain **(Bukti 6.3.5 (C): Sumbangan Inkind ICAN 2022-2024).**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_O01\\_OB03\\_20241\\_BUKTI 6.3.1.pdf](#)
2. [F0023\\_O01\\_OB03\\_20242\\_BUKTI 6.3.2.pdf](#)
3. [F0023\\_O01\\_OB03\\_20243\\_BUKTI 6.3.3.pdf](#)
4. [F0023\\_O01\\_OB03\\_20244\\_BUKTI 6.3.4.pdf](#)
5. [F0023\\_O01\\_OB03\\_20245\\_BUKTI 6.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan adalah aspek kritikal dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan objektif FPP bagi **melestarikan kewangan fakulti**.

#### **Operasi 1: Penambahbaikan Tadbir Urus Jawatankuasa Tabung Amanah FPP**

1. Penambahbaikan tadbir urus jawatankuasa Tabung Amanah (JTAF) telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti. Penambahbaikan ini dibuat bagi memastikan proses permohonan dan kelulusan yang berkaitan kewangan fakulti dapat dilaksanakan secara efisien dan efektif. Dekan diberi kuasa untuk meluluskan permohonan di bawah RM5000 tanpa perlu dibentangkan dalam mesyuarat (peruntukan perkara 5: had kewangan di dalam Tabung Amanah). semua kelulusan bawah RM5000 yang diluluskan oleh Dekan akan diperakukan sahaja dalam mesyuarat JTAF dan ini telah membantu fakulti mempercepatkan proses kelulusan permohonan. Cadangan semakan terma rujukan jawatankuasa di peringkat operasi fakulti jugak di buat bagi menyelaraskan bidang kuasa, keahlian dan fungsi setiap jawatankuasa yang menguruskan pengoperasian kewangan di fakulti iaitu Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF) (**bukti: 6.4.1.1**).

#### **Operasi 2: Penggunaan sistem sediaada dan sistem yang dibangunkan secara *in house***

1. Selain itu, pemantauan juga dibuat melalui **penggunaan sistem sediaada (*FinEportal, UiTM Booking System, HR2U*) dan pembangunan sistem in house di bawah FB MIS (SAIS, HRIS, STIS, RIIS, STIS, CFIS)** adalah sistem utama pengoperasian dalam FPP yang telah dipraktikkan untuk mempercepatkan pengoperasian dan memastikan **kecekapan serta penjimatan kos, masa, sumber manusia, dan proses penting dapat diutamakan**. semua sistem yang dibangunkan secara dalaman ini dibangunkan dan ditambahbaik juga diselenggarakan oleh staf FPP. Sistem ini dipantau oleh pengurusan atasan FPP dan boleh diakses oleh semua staf akademik mahupun pentadbiran FPP. (**Bukti 6.4.1.2**)

2. Bagi memastikan FPP menggunakan sumber kewangan dengan berhemah, proses audit telah dijalankan FPP dan juga universiti. Pemantauan melalui pengauditan merupakan kaedah yang berkesan bagi mengenalpasti kekurangan dan kelemahan yang dihadapi FPP dan memastikan pengoperasian di tambah baik untuk kelestarian semua pemegang taruh. (**Bukti 6.4.1.3: Laporan Audit Dalam Dan Audit Susulan FPP**)

#### **Operasi 2: Pemantauan aktiviti pendanaan**

1. Strategi pemantauan lain adalah melalui **maklum balas mengenai sumber manusia, pengurusan, aktiviti dan kewangan** dikumpul untuk memastikan sumber-sumber dana yang diperoleh ini diurus dengan baik. Maklum balas diperoleh daripada pemegang taruh seperti daripada staf FPP, pelajar, pengurusan melalui **mekanisme *google form, pigeon hole, QR code, social media, dan juga platform umum*** yang ditadbir oleh UiTM induk iaitu sistem Units, BSU dan FMS. Proses ini adalah penting bagi membantu FPP mengekalkan dan menggalakkan hubungan kerjasama bersama industri sentiasa berterusan dan berkembang apabila mereka optimis terhadap program-program yang dilaksanakan oleh FPP. (**Bukti 6.4.1.4**)

#### **2. Sesi interaksi bersama rakan strategik**

FPP sentiasa mengalu-alukan maklum balas daripada rakan strategik bagi memperluaskan lagi kolaborasi Bersama staf, pelajar dan pihak pengurusan FPP. Bagi memantau hubungan yang berterusan, FPP akan menjemput rakan strategik ke sesi dialog atau lawatan mesra ke lapangan bagi mendapatkan maklum balas penambahbaikan terhadap pelaksanaan inisiatif strategik FPP serta memastikan **penglibatan yang berterusan yang akan memberikan**

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_6.4.1 Mesyuarat JKEF - Penambahbaikan Tadbir Urus FPP \(1\).pdf](#)
2. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_6.4.1.2 Penggunaan Sistem dalam Pengurusan FPP.pdf](#)
3. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20243\\_6.4.1.3 Laporan Audit.pdf](#)
4. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20244\\_BUKTI 6.4.1.4.pdf](#)
5. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20245\\_BUKTI 6.4.1.5.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko operasi yang **sistematik dan berstruktur** berpandukan **Manual Pengurusan Risiko UiTM (Bukti 6.4.2 (a): Panduan Pengurusan Risiko UiTM**, FPP berjaya **meningkatkan kecekapan, mengekalkan kestabilan operasi, serta memperkukuhkan pengurusan kewangan**. Kepimpinan Kanan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dilantik (**Bukti 6.4.2 (b) - Senarai Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko FPP**) bertanggungjawab melaksanakan, mengurus, menganalisis, dan mengawal risiko selaras dengan tadbir urus serta panduan pengoperasian yang komprehensif dan ditetapkan (**Bukti 6.4.2 (c) - Tadbir Urus dan Panduan Pengoperasian Pengurusan Risiko FPP**). FPP mengklasifikasikan risiko operasi kepada dua kategori iaitu; **1) penjanaan pendapatan dan hasil dan 2) penjimatan**. Isu-isu risiko dibincangkan dalam mesyuarat seperti MKSP dan JKEF bagi memastikan risiko yang dikenalpasti tidak berkembang dan menjejaskan pencapaian objektif strategik FPP.

Kekurangan dana atau pengurusan kewangan yang tidak efisien serta ketidakupayaan menjana pendapatan yang mampan merupakan risiko yang berpotensi menggugat kestabilan kewangan jangka panjang dan boleh mengakibatkan ketidakmampuan menyediakan sumber yang mencukupi untuk pemegang taruh. FPP melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang merangkumi penawaran program akademik seperti dan inisiatif penyelidikan bertujuan **mempelbagaikan aliran pendapatan** dan memastikan **kestabilan kewangan yang berterusan**. Impaknya, FPP telah menerima **Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM 2022 (Anugerah Penjanaan Pendapatan Cemerlang 2023) (Bukti 6.4.2 (d) – Pencapaian FPP dalam Penjanaan Pendapatan)**.

Ketidakupayaan untuk menarik penajaan atau kerjasama industri berjaya ditangani melalui **sinergi dinamik antara FPP dan sektor industri** yang memastikan **aliran pendanaan kekal stabil dan mampan**. Hasilnya, program seperti **My School: Our Future Generation (MyGEN)** telah memperkukuhkan kedudukan kewangan FPP dengan berjaya memperoleh dana sebanyak **RM143,469.00 daripada MBSB Bank**. Pengurusan risiko yang dilaksanakan secara sistematik **memberikan manfaat nyata kepada para pemegang taruh**. Inisiatif pendanaan membolehkan staf akademik memperluas skop penyelidikan dan meningkatkan kemahiran. Bagi pelajar, ia menawarkan akses kepada pengalaman praktikal melalui **program Simulation Business He & She**, serta latihan industri seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan FPP di pasaran kerja.

Bagi menangani kos operasi, mencapai penjimatan serta mengurangkan masa dan penggunaan sumber, sistem FBMS (yang merangkumi SAIS, HRIS, dan STIS) **dibangunkan untuk mempercepatkan proses dan meningkatkan kecekapan operasi**. Kesannya, sistem ini signifikan mengurangkan kos operasi dan **kebergantungan kepada sumber manusia** sambil mengekalkan tahap **produktiviti yang tinggi**. Pembaziran ditangani, FPP menikmati **pengurangan kos dan sumber optimum**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_BUKTI 6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_BUKTI 6.4.2.2.pdf](#)
3. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20243\\_BUKTI 6.4.2.3.pdf](#)
4. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20244\\_BUKTI 6.4.2.4.pdf](#)
- 5.



### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji semula dan melaksanakan tindakan penambahbaikan merupakan langkah kritikal dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi FPP. Melalui **mesyuarat berkala** yang diadakan dengan kekerapan yang sesuai (**Bukti 6.4.3.1 – Agenda Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko**); **Bukti 6.4.3.2 - Agenda Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti**) pemantauan berterusan dapat dilakukan bagi membincangkan segala isu yang berbangkit. Proses ini melibatkan penilaian semula terhadap dasar, prosedur, dan amalan sedia ada, di mana kelemahan yang dikenalpasti segera ditangani melalui tindakan pembetulan atau penambahbaikan. Pendekatan ini memastikan FPP **kekal responsif** serta berdaya saing dalam persekitaran akademik yang semakin dinamik, sekaligus memastikan pencapaian matlamat strategik fakulti terjamin.

Hasil daripada analisis lanjut telah menunjukkan bahawa pendapatan dari penawaran program akademik di FPP mempunyai potensi besar untuk berkembang secara signifikan dan berupaya menjadi sumber pendapatan utama fakulti pada masa hadapan. FPP **secara konsisten mengambil langkah penambahbaikan strategik yang berfokus pada peningkatan kualiti kurikulum dan pembaharuan program akademik**. Hasil daripada usaha ini, FPP berjaya meraih **Anugerah Penarafan Subjek Terbaik (Bukti 6.4.3.3 – Anugerah Kecemerlangan Prestasi Univerisiti: Anugerah Penarafan Subjek Terbaik)**. Inisiatif penambahbaikan ini memastikan FPP terus melahirkan graduan yang kompetitif dan berdaya saing di peringkat global sekaligus mengukuhkan reputasi FPP sebagai fakulti terunggul.

Sistem FBMS yang dibangunkan sebagai **FBMS 1.0**, telah melalui fasa **penambahbaikan secara konsisten** sehingga berkembang menjadi **FBMS 2.0**. Melalui penyertaan dalam inisiatif inovasi seperti **Operational Excellence (Bukti 6.4.3.4 – Data Operational Excellence FPP)**, sistem ini telah ditingkatkan secara signifikan untuk memastikan ia kekal relevan dan responsif terhadap keperluan operasi yang semakin kompleks dan dinamik.

**Kos penjimatan** penyelenggaraan yang berterusan dapat dicapai dengan menyusun jadual penyelenggaraan berkala yang sistematik (**Bukti 6.4.3.5 Daftar Risiko Pengurusan Kewangan (Risiko Operasi)**) untuk memastikan kemudahan dan peralatan sentiasa berada dalam keadaan baik, sekali gus mengurangkan keperluan pembaikan besar yang sering membawa kepada kos penyelenggaraan yang tinggi.

FPP telah secara berterusan berusaha **mendapatkan pendanaan** melalui pelbagai strategi seperti kerjasama dengan industri dan sektor swasta melalui tajaan program akademik, geran penyelidikan dari agensi kerajaan dan antarabangsa, serta menawarkan kursus sijil profesional. Selain itu, **dana endowmen dan sumbangan alumni** juga dimanfaatkan untuk menyokong aktiviti fakulti, disertai dengan inisiatif pendanaan berasaskan prestasi serta penglibatan dalam **projek komuniti dan keusahawanan**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_BUKTI 6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20242\\_BUKTI 6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20243\\_BUKTI 6.4.3.3.pdf](#)
4. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20244\\_Bukti 6.4.3.4.pdf](#)
5. [F0023\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20245\\_Bukti 6.4.3.5.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi yang berterusan memainkan peranan yang sangat signifikan di dalam memastikan kelestarian kewangan FPP diteruskan.

### 1. Pembudayaan Pengurusan Berhemat

Keberkesanan sistem pengurusan yang dibangunkan secara 'in-house' seperti FBMS dan eMesyuarat telah menggalakkan pembudayaan pengurusan berhemat dalam keseluruhan operasi FPP. Penggunaan sistem ini secara berterusan membantu dalam penyimpanan dan pengurusan data, pemantauan operasi, serta penyelarasan antara jabatan. Oleh itu, penggunaan sumber dan pengawalan perbelanjaan yang optimum menjadi budaya kerja yang diamalkan secara konsisten di kalangan staf FPP. Laporan dan data pemantauan operasi menunjukkan bahawa FPP telah berjaya mengurangkan kos melalui penggunaan sistem teknologi yang lebih efisien. (**Bukti 6.5.1 – Penjimatan Sistem FPP Dari Segi Kewangan, Masa dan Sumber Manusia**)

### 2. Kolaborasi Strategik sebagai Budaya Penjanaan Pendapatan

Pembudayaan kolaborasi strategik dengan pihak industri dan pemegang taruh luar telah mengakar dalam operasi fakulti, di mana penjanaan pendapatan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada dana dalaman tetapi diperkukuhkan melalui kerjasama strategik yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Aktiviti bersama, penajaan, dan perjanjian usahasama telah menjadi amalan biasa yang menjana pendapatan secara berterusan. (**Bukti 6.5.2 - Kolaborasi Strategik FPP dan Industri**)

### 3. Budaya Penjimatan Kos melalui Inisiatif Pendanaan

Penekanan terhadap penjimatan kos melalui penajaan luar telah membudayakan keupayaan fakulti dalam mengatur program-program yang berkualiti tanpa membebankan kos operasi. FPP kini lebih cenderung untuk mendapatkan sokongan industri dalam pelbagai aktiviti, menjadikannya sebahagian daripada amalan pengurusan kewangan fakulti. Ini terbukti dengan adanya rekod penajaan yang konsisten dan berkesan dalam laporan kewangan. (**Bukti 6.5.3 - Sumbangan *in-kind* FPP**)

### 4. Pelaburan Berterusan dalam Peningkatan Kemahiran Pelajar

Pelaburan dalam program pembangunan pelajar, seperti kursus jangka pendek, kursus profesional dan program mobiliti telah menjadi budaya yang diterapkan di FPP. Ini membuktikan keberkesanan tindakan penambahbaikan yang mengutamakan kebolehpasaran pelajar dan meningkatkan pencapaian akademik mereka. Budaya ini mengarah kepada peningkatan enrolmen pelajar. Contohnya, program CMI dan ICDL telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran dan meningkat enrolment pelajar dan kebolehpasaran graduan FBM. Sebagai bukti, FPP telah dianugerahkan beberapa pengiktirafan di dalam **Anugerah Kecemerlangan Kecemerlangan Prestasi Universiti** antaranya termasuk **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023- Pillar 2: Turning Globally Marketable (Student); Anugerah Pelajar Pascasiswazah Tertinggi dan Anugerah Pelajar Antarabangsa Tertinggi (Bukti 6.5.4 - Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti)**.

## SENARAI BUKTI :

1. [F0023\\_O01\\_OB05\\_20241\\_Bukti 6.5.1.pdf](#)
2. [F0023\\_O01\\_OB05\\_20242\\_Bukti 6.5.2.pdf](#)
3. [F0023\\_O01\\_OB05\\_20243\\_BUKTI 6.5.3.pdf](#)
4. [F0023\\_O01\\_OB05\\_20244\\_BUKTI 6.5.4.pdf](#)
- 5.



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **Kategori 1: Hasil dari Pelaksanaan Strategi Pencapaian objektif dan inisiatif strategik & keberkesanan pengurusan risiko**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) telah menggariskan hala tuju yang jelas dan berstrategi untuk mencapai **kelestarian kewangan** melalui diversifikasi sumber pendapatan. Fokus utama fakulti ini ialah meningkatkan **penjanaan** pendapatan, melakukan **penjimatan** kos dalam pengoperasian fakulti, dan seterusnya memastikan **pendanaan** semula kepada pemegang taruh. Langkah proaktif telah diambil oleh FPP untuk merealisasikan matlamat ini dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama tersebut. Aspek-aspek ini diperkukuh lagi melalui teras utama yang merangkumi bidang akademik, penyelidikan, inovasi, khidmat komuniti, dan jalinan industri yang berimpak tinggi.

Dalam usaha meningkatkan **penjanaan** pendapatan, FPP telah mengaplikasikan pendekatan Rancang (Plan)-Buat (Do)-Semak (Check)-Tindakan (Action) (PDCA) yang komprehensif. Pada tahap perancangan, fakulti ini menetapkan sasaran progresif dan merangka strategi yang teliti dan menyeluruh. Antara strategi yang diambil termasuklah memperkukuh kolaborasi dengan industri serta mengkomersialkan hasil penyelidikan. Pendanaan untuk inisiatif-inisiatif ini diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk program akademik, dana penyelidikan, geran, dan kerjasama dengan industri.

Setelah merancang dengan rapi, FPP melaksanakan pelbagai program dan projek yang berpotensi tinggi untuk **menjana** pendapatan. Misalnya, melalui pelaksanaan projek-projek akademik seperti program Intersesi dan pascasiswazah, FPP bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan, tetapi juga memenuhi permintaan pasaran terhadap tenaga kerja mahir. Di samping itu, FPP giat menjalin kerjasama dengan pihak industri untuk mengembangkan produk dan perkhidmatan inovatif yang mampu menjana pendapatan secara berterusan. Hal ini membuktikan bahawa fakulti ini tidak hanya bergantung kepada sumber pendapatan konvensional, tetapi turut mencari peluang dalam pelbagai sektor yang berpotensi.

Pemantauan secara berterusan juga merupakan satu aspek penting dalam memastikan semua inisiatif yang dilaksanakan berada di landasan yang betul. FPP menggunakan pelbagai metrik untuk mengukur keberhasilan usaha yang telah dilaksanakan. Metrik tersebut termasuklah jumlah pendapatan yang dihasilkan, bilangan projek yang berjaya, dan jumlah paten yang didaftarkan. Hasil daripada pemantauan ini digunakan untuk membuat penyesuaian pada tahap tindakan penambahbaikan. Ini memastikan bahawa fakulti sentiasa berada di landasan yang tepat dan berdaya saing dalam mencapai sasaran **kelestarian kewangan**.

Selain meningkatkan pendapatan, **penjimatan** juga menjadi salah satu fokus utama FPP. Fakulti ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada, termasuk tenaga dan bahan-bahan lain yang digunakan dalam pengoperasian harian. Selain itu, proses kerja dan prosedur dalaman telah dikaji semula untuk mengenal pasti peluang-peluang bagi meningkatkan efisiensi dan mengurangkan kos operasi. Langkah-langkah ini bukan sahaja membantu menjimatkan kos, tetapi juga memastikan penggunaan sumber yang lebih berkesan dan efisien.

Secara keseluruhannya, FPP telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mencapai **kelestarian kewangan** melalui pelaksanaan strategi yang menyeluruh dan berfokus kepada **penjanaan pendapatan, penjimatan kos, dan pendanaan semula**. Usaha ini telah membuktikan bahawa fakulti mampu menjadi sebuah pusat tanggungjawab jabatan (PTJ) yang berdaya tahan serta menyumbang secara signifikan kepada pembangunan universiti. Dengan pendekatan yang strategik dan komprehensif, FPP berada dalam posisi yang kukuh untuk

mencapai matlamat kelestarian kewangan jangka panjang dan terus berperanan sebagai pemangkin utama kepada kemajuan universiti.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0023\\_HB02\\_20241\\_LAPORAN AKNC 2024\\_HASIL UTAMA 1\\_\\_TAHAP.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0023\\_HB03\\_20242\\_LAPORAN AKNC 2024\\_HASIL UTAMA 1\\_\\_TREN.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0023\\_HB04\\_20243\\_LAPORAN AKNC 2024\\_HASIL UTAMA 1\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0023\\_HB05\\_20244\\_LAPORAN AKNC 2024\\_HASIL UTAMA 1\\_\\_IMPAK.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### *Kategori 4: Hasil dari Operasi*

Ia merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan operasi FPP ke atas tiga (3) fokus utama iaitu *Penjanaan, Penjimatan dan Pendanaan (3P)*.

Menjala ikan di Parit Raja,

Melekat sialang di dahan delima,

*AKNC Dua Puluh Empat (24)* paksi bekerja,

*Kelestarian Kewangan* menjadi tema.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil daripada **urus tadbir** yang **cemerlang** dan **komunikasi** yang **baik** di antara Pengurusan Kanan dan pentadbiran, FPP telah **melakar penambahbaikan** dan **kecemerlangan** dalam setiap pengurusan pentadbiran iaitu hal ehwal pelajar (**HEP**), penyelidikan dan inovasi (**RENOVA**), jaringan industri, komuniti dan alumni (**ICAN**), dan hal ehwal akademik (**HEA**). **Delegasi kerja** yang **baik** telah melicinkan operasi pengurusan dan menampakkan hasil yang berkesan serta memberikan **impak** yang **positif** kepada **FPP**.

Sasaran ***Globally Renowned University 2025*** melalui **Pelan Perancangan Strategik UiTM2025** yang menggariskan aspek '**Kemampuan Kewangan**' telah memberikan inspirasi kepada FPP untuk menyelaraskan seluruh tenaga kerja beroperasi dalam landasan yang ditetapkan. Gerak kerja FPP yang terbahagi kepada empat (4) bahagian pengurusan dan pentadbiran iaitu HEP, RENOVA, ICAN dan HEA telah menumpukan aktiviti – aktiviti operasi hasil kepada **tiga (3) fokus utama** iaitu **penjanaan, penjimatan dan pendanaan (3P)** dalam setiap program yang dilaksanakan. Demi mencapai fokus yang ditetapkan, **tiga (3) objektif strategik (OS)** telah digariskan iaitu:

**OS1: Menjana** pendapatan melebihi sasaran P1129 yang telah ditetapkan oleh universiti;

**OS2: Memastikan penjimatan** perbelanjaan operasi bagi aktiviti yang dijalankan di FPP;

**OS3: Menjamin** aktiviti yang menerima **pendanaan** berjaya mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Antara **program-program penjanaan, penjimatan dan pendanaan FPP** ialah:

i. **Career fair** - HEP

ii. **Aktiviti-aktiviti persatuan pelajar** - HEP

iii. **Advances in Business Research International Conference (ABRIC)** – RENOVA

iv. **Virtual Inovation & Invention of Ideas Competition (VIIC)** – RENOVA

v. **ICAN Week** – ICAN

vi. **Program Francais FPP-iCEPS** – HEA

Usaha FPP yang telah menyelenggara beberapa **persidangan antarabangsa** melalui usaha **kolaboratif** dengan rakan-rakan **internasional, industri, dan universiti terkenal di dunia** bukan sahaja **menjana hasil** bahkan **berjaya meningkatkan ketampakan dan mutu akademik FPP** di mata dunia seperti undangan selaku **keynote speaker** dan **visiting lecturer**

di beberapa universiti antarabangsa. Usaha ini berjaya **menarik minat** dan **sokongan** untuk **menyuntik dana** bagi mana-mana program **pendanaan FPP**.

Pengurusan Kanan FPP juga telah mengambil inisiatif bagi **penjanaan pendapatan** melalui **perkongsian perniagaan** bersama **industri** yang dipilih yang melibatkan pelajar dalam **projek keusahawanan**. Penubuhan inkubator perniagaan, panel perundingan, dan pertandingan inovasi digunakan sebagai platform yang kukuh dalam mengasimilasikan pelajar dengan ilmu keusahawanan. Ia diwujudkan melalui interaksi FPP dengan rakan-rakan industri, terutamanya melalui operasi **Minggu Industri, Komuniti dan Rangkaian Alumni (ICAN)**. Kerjasama dengan penglibatan 58 syarikat, yang terdiri daripada CEO dan pakar industri, termasuk tokoh-tokoh penting daripada **Lembaga Tabung Haji Malaysia (LTH), AmInvestment Bank, Securities Commission Malaysia, GS1 Malaysia Sdn. Bhd, Sufi Group Sdn.Bhd., dan UOB Bank** telah menampakkan impak positif.

Aktiviti-aktiviti operasi penjanaan ini telah memberikan **penjimatan** kepada FPP dimana program-program dalaman telah dapat ditampung menerusi program penjanaan ini. Sebagai contoh, inisiatif program ketampakan pelajar dalam **program mobiliti ke luar negara** seperti ke **Jerman, Korea Selatan, dan Indonesia**. Ia adalah hasil daripada **operasi penjimatan** yang tidak melibatkan **Wang Pengurusan Fakulti**. Di sini FPP telah berjaya mengambil langkah **penjimatan**, malah mampu **mendanai** program-program dalaman FPP.

Hasil daripada **budaya kerja** yang jitu ini, **FPP** telah berjaya **menjana pendapatan** yang **membanggakan** disamping **penjimatan kos** untuk setiap operasi aktiviti-aktiviti program dalaman dan seterusnya menggunakannya untuk **pendanaan** kepada warga FPP samada staf akademik, staf bukan akademik dan juga pelajar FPP itu sendiri.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0023\\_HB02\\_20241\\_LAPORAN AKNC 7.2.2\\_TAHAP.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0023\\_HB03\\_20242\\_LAPORAN AKNC 7.2.3\\_TREN.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0023\\_HB04\\_20243\\_LAPORAN AKNC 2024 7.2.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0023\\_HB05\\_20244\\_LAPORAN AKNC 7.2.5\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

**Hasil utama pelanggan** FPP adalah berpandu kepada objektif strategik yang ketiga iaitu **Pendanaan Program (OS3)**. Pelanggan FPP ini merujuk kepada pelajar, ibu bapa, staf, masyarakat, alumni, agensi kerajaan, dan UiTM. Strategi pendanaan ini adalah jalinan kerjasama di antara FPP (anjur program) dengan pihak industri (taja program) dan manfaat dikongsi bersama.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) bertekad mencapai **kelestarian kewangan** melalui diversifikasi sumber pendapatan dengan memfokuskan pada **penjanaaan pendapatan, penjimatan kos, dan pendanaan program** kepada pemegang taruh. Kepuasan pelanggan menjadi kunci kejayaan FPP, memastikan perkhidmatan yang cemerlang bukan sahaja membina kesetiaan pelanggan tetapi juga meningkatkan reputasi global FPP.

Kelestarian kewangan FPP yang mampan berpaksikan kepada **Hasil Pendanaan Program (OS3)** kepada pelanggan yang merupakan penentu kepada kejayaan FPP. Sehubungan itu, kepuasan pelanggan menjadi tunjang bagi penentuan kualiti perkhidmatan dalam pembangunan staf serta tahap pencapaian dan matlamat fakulti. Perkhidmatan yang cemerlang bukan sahaja membina kesetiaan pelanggan tetapi turut meningkatkan reputasi serta kecemerlangan FPP di persada dunia.

Hasil tumpuan pelanggan melalui **Pendanaan Program** bersumberkan dana dari industri yang dilaburkan semula bagi memanfaatkan kesemua pelanggan FPP bagi aktiviti ilmiah. Dana yang diperolehi digunakan semula untuk memperkasakan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan profesional, dan potensi peribadi pelajar serta staf. Kolaborasi dengan masyarakat dan agensi kerajaan diperkuat untuk memastikan sumbangan yang relevan dan berterusan bagi pembangunan sosio-ekonomi negara. Pendanaan melalui sponsorship dari pihak industri bagi menjayakan aktiviti anjuran FPP antaranya adalah **FBM ICAN Week dan Career Fairs**. Manfaat berbentuk **bukan kewangan** yang diperolehi pelajar FPP (dalaman) dan pelajar luar (komuniti) adalah seperti peluang berinteraksi secara lebih dekat dengan bakal majikan (industri), berpeluang menggilap potensi diri bagi memenuhi kehendak pasaran, serta meningkatkan Graduate Employability (GE) universiti.

Pendanaan semula ini merangkumi usaha memperluaskan jaringan alumni dan penglibatan aktif mereka dalam menyokong visi dan misi UiTM, termasuk melalui program mentorship, penyelidikan, dan pembangunan kemahiran. FPP akan memastikan rakan kongsi antarabangsa turut mendapat manfaat daripada kerjasama strategik ini yang membantu meningkatkan ketampakan FPP di peringkat global.

Kelestarian Kewangan FPP melalui **Pendanaan Program** berteraskan kepada tiga tema:

1. Tema 1: Pengukuhan Kualiti Pelanggan Dalaman melalui Pembangunan dan Latihan
2. Tema 2: Pelanggan Luaran sebagai Rakan Strategik dalam Peningkatan Sosio-ekonomi
3. Tema 3: Meningkatkan Ketampakan Global melalui Kepuasan Pelanggan Antarabangsa

Ketiga-tiga tema tersebut diintegrasikan bertujuan mencapai hasil utama “Tumpuan Kepada Pelanggan” yang bermaksud dapat memberi manfaat dari segi pengukuhan kualiti pelanggan melalui aktiviti Pembangunan dan Latihan kepada **pelanggan dalaman (pelajar dan staf FPP)**, manfaat sebagai rakan strategik dalam peningkatan sosio ekonomi negara terhadap **pelanggan luaran (ibu bapa, masyarakat, industri, alumni serta badan dan agensi kerajaan)** dan terakhir manfaat dalam meningkatkan **ketampakan global (UiTM)** melalui



kepuasan pelanggan antarabangsa. Keberhasilan kewangan FPP adalah bergantung dan mampan bila mana ketiga-tiga tema tersebut terlaksana hasil dari pelaburan semula **pendanaan program**, mampu mengekalkan prestasi yang unggul, dan mencapai hasrat untuk **memanfaatkan kesemua pelanggan FPP**.

Sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di bawah Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan di bawah dasar RMKe-12, FPP mengambil pendekatan yang sama dengan kerajaan berteraskan prinsip “tiada sesiapa yang tertinggal”. Inisiatif untuk merakyatkan SDG akan dipergiat melalui institusi pendidikan dengan pihak FPP berkomunikasi secara lebih dekat dengan industri bagi merealisasikan kehendak kesemua pelanggan FPP bagi mempertingkatkan pemahaman dan pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Secara keseluruhannya, pelaburan semula FPP secara holistik kepada pelanggan bertujuan untuk memastikan pencapaian jangka panjang yang mampan serta pengukuhan imej dan reputasi fakulti sebagai institusi pendidikan terkemuka.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0023\\_HB02\\_20241\\_Kriteria 7 Hasil dari Operasi-Tahap.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0023\\_HB03\\_20242\\_Kriteria 7 Hasil dari Operasi-Tren.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0023\\_HB04\\_20243\\_H3\\_F0023\\_HB02\\_20241\\_Kriteria 7 Hasil dari Operasi-Perbandingan.pdf.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0023\\_HB05\\_20244\\_H3\\_F0023\\_HB02\\_20241\\_Kriteria 7 Hasil dari Operasi-Kepentingan.pdf.pdf](#)